AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 44 | RABU 31 OKTOBER, 1984. | رابو 5 صفر 1405 | PERCUMA

# ATURCARA KEBERANGKATAN LAWATAN NEGARA KE REPUBLIK INDONESIA

Liputan: Mohamad Salim

JAKARTA. — Keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Indonesia selama empat hari baru-baru ini merupakan lawatan negara yang keempat Baginda berdua ke negara-negara sahabat sejak awal tahun ini, dan lawatan negara yang pertama ke Republik Indonesia dan yang kedua ke negara-negara anggota ASEAN.

Sebelum ini Baginda berdua telah mengadakan lawatan rasmi ke Jepun dan Republik Korea pada 5 hingga 9 April lepas. Manakala keberangkatan Baginda Sultan ke Republik Indonesia adalah merupakan kunjungan kali kedua kali ini di mana kali pertama keberangkatan secara tidak rasmi yang disertai oleh dua orang adinda Baginda: Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah pada April 1981. Terdahulu dalam bulan Mac Baginda berdua berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia.

Sesungguhnya keberangkatan Baginda berdua ke Republik Indonesia yang bermula pada 22 Oktober minggu lalu itu mempunyai aturcara lawatan ke beberapa tempat menarik yang begitu padat. Keberangkatan tiba Baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Halim Perdanakusuma disambut oleh bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto dan Wakil Presiden dan Ibu Umar Wirahadikusumah.

Dua orang pelajar yang mewakili Pelajar Teladan Daerah Kawasan Ibukota Jakarta, Sdr. M. Zulkifli dan Sdri. Ratmi Wiyanti masing-masing menyembahkan bunga tangan kepada Baginda berdua yang diikuti dengan sembah perkenalan kepada menteri-menteri dan pegawai tinggi Kerajaan Republik Indonesia oleh Bapak Presiden.

Baginda Sultan dengan didampingi oleh Bapak Presiden berkenan memeriksa barisan kehormatan. Lagu Kebangsaan kedua negara di perdengarkan ketika kedua orang pemimpin berada di pentas khas untuk menerima

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri memerhatikan ukiran keris cenderamata yang disembahkan oleh Bapak Presiden Soeharto sebelum berlangsungnya Jamuan Santap Kenegaraan di Istana Negara.

## Kebawah D.Y.M.M. berangkat pulang dari lawatan

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta rombongan Diraja berangkat pulang petang Khamis lalu, setelah mengadakan Lawatan Negara selama empat hari ke Indonesia.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa di sini bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Baginda berdua dan rombongan Diraja ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Menteri Pertahanan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang

Lihat muka 16



KEBERANGKATAN pulang Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah dialu-alukan oleh Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

## Kenyataan bersama:—

# PERLUNYA USAHA KUKUHKAN ASEAN

Oleh: Mohamad Salim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Presiden Soeharto bersama-sama menyatakan kegembiraan terhadap perkembangan yang telah dicapai oleh ASEAN dan menyedari akan perlunya untuk sentiasa meningkatkan usaha-usaha ke arah memperkukuhkan pertubuhan tersebut demi untuk faedah negara-negara anggota jua.

Dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak kerajaan berkenaan sempena lawatan negara Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik itu baru-baru ini, kedua ketua negara itu juga menyatakan sokongan penuh mereka atas kerjasama ASEAN ke arah mengwujudkan sebuah Kam-

Lihat muka 16

## Angka tunjuk naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjuk harga barang-barang pengguna bagi bulan September 1984 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi di sini ialah 144.0 mata. Ianya juga merupakan angka yang lebih tinggi dari angka tunjuk bulan Ogos lepas.

Kenyataan tersebut juga menunjukkan angka tunjuk bulan September lebih tinggi berbanding dengan angka tunjuk bulan yang sama pada tahun lepas iaitu dengan kadar sebanyak 3.4%.

Kenaikan angka tunjuk sebanyak makanan 0.1% bagi bulan September adalah disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'makanan' (0.1%). Alat-alat perabot, perhiasan dan kelengkapan rumahtangga serta pemasangannya (0.4%), permainan hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan (0.1%) dan barang-barang perkhidmatan rampaian (0.1%).

Sementara angka tunjuk bagi kumpulan-kumpulan lain adalah masih tidak berubah.

## MANISNYA IMAN

"APA yang di sisi kamu itu akan hilang, tetapi apa yang di sisi Allah itulah yang kekal; dan akan kami berikan kepada orang-orang yang sabar itu pembalasan menurut apa-apa yang telah mereka kerjakan dengan sebaik-baiknya." — Makna ayat 96 Surah An Nahl.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

31 OKTOBER, 1984.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KEBERANGKATAN KE INDONESIA: PERSAHABATAN ANTARA DUA NEGARA YANG SETARAF

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Republik Indonesia minggu lepas adalah dalam rangka kunjungan Baginda ke negara-negara sahabat. Keberangkatan tersebut sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar dan radio serta televisyen kita, telah membanggakan rakyat seluruhnya. Kita dapat merasakan betapa penghormatan yang diberikan oleh Presiden Soeharto kepada Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan kepada Baginda Raja Isteri telah memperjelaskan penghormatan yang tinggi Kerajaan serta rakyat Republik Indonesia terhadap Kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sesungguhnya sambutan yang diberikan kepada Baginda berdua itu membuktikan betapa negara kita sekalipun kecil keluasannya dan sedikit bilangan penduduknya telah menepati ertikata kemerdekaannya setaraf dengan negara besar seperti Republik Indonesia itu. Maka itu selayaknya meneguhkan lagi perasaan bangga dan terhormat yang sedia ada pada kita sebagai suatu bangsa dalam sebuah negara yang mempunyai indentiti dan ciri kehidupan menurut iklim sosio-politik kita sendiri. Kebanggaan dan kehormatan sedemikian itu selamanya dimaksudkan sebagai penggerak bagi apa yang kita namakan 'nation building'. Sebab adalah penting bagi kita terus menerus mempunyai kesedaran akan ciri-ciri serta identiti negara dan bangsa kita dalam pertembungannya dengan ciri-ciri dan identiti negara-negara lain.

Tetapi kesedaran dan kebanggaan mempunyai ciri-ciri dan identiti yang tersendiri sebagai sebuah negara tidak bermakna kita akan tinggal menyendiri. Buktinya telah banyak kali dilihat betapa di peringkat antarabangsa umumnya dan di peringkat hubungan dua hala dengan negara-negara bersahabat kita telah menghulurkan dan menyambut jabatan tangan tanda silaturahim bagi tujuan-tujuan berkerjasama ke arah berkebajikan. Dan sekali lagi di Jakarta dalam keberangkatan Baginda baru-baru ini kita dengan terus-terang menyatakan hasrat bagi meningkat dan mengembangkan kerjasama dengan Republik Indonesia bukan sahaja dalam bidang sosio-budaya tetapi juga dalam bidang teknikal, pendidikan, pertanian, kebudayaan dan ekonomi. Kerjasama sedemikian, sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda adalah memandangkan Republik Indonesia telah berjaya mencapai kemajuan dalam usaha-usaha pembangunan dan industerinya di rantau ini di samping ianya merupakan negara yang terdekat dengan negara kita.

Sebenarnya dalam konteks perhubungan dengan Republik Indonesia, kedua-dua negara memang sedia mempunyai hubungan yang erat bukan sahaja akibat persamaan ciri-ciri pengalaman sejarah, tradisi bahasa dan kebudayaan tetapi juga persamaan dalam aspirasi bagi meningkatkan persahabatan serta kerjasama untuk mencapai keamanan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara ini. Dan mengenai hal ini titah Baginda menegaskan harapan supaya rakyat Republik Indonesia dan rakyat Baginda bersama-sama dapat menikmati kehidupan yang tenteram, aman dan selamat di dalam suasana yang mantap agar boleh meneruskan usaha-usaha ke arah pembangunan negara masing-masing.

Kita bertambah yakin bahawa sambutan dan penghormatan terhadap Baginda dan Baginda Raja Isteri didasarkan kepada hakikat bahawa Republik Indonesia sendiri mempunyai hasrat yang sama bagi meningkatkan dan mengembangkan kerjasama dua hala. Presiden Soeharto dalam sembah ucapannya telah menegaskan akan kepentingan persahabatan yang tulus dan luhur sebagai landasan yang paling utama bagi mengwujudkan keamanan serta kesejahteraan di rantau ini. Menurut Presiden itu, pengalaman telah menunjukkan bahawa persahabtan yang tulus itu dapat memberi makna yang mendalam dan indah dalam hubungan antara manusia dengan manusia dan antara bangsa dengan bangsa yang lain.

Maka bertambah lagilah keyakinan kita untuk menjangkakan kerjasama yang rapat yang dijalin oleh rasa yang tulus terhadap persamaan taraf antara negara-negara yang merdeka, bebas dari campurtangan terhadap hal-ehwal dalam negeri masing-masing.

# TAKWA: ASAS PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN



PETIKAN syarahan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Perhubungan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Az-Zukhruf ayat 67-70: terjemahannya: Orang-orang yang semasa di dunia bersahabat karib, pada hari kiamat mereka didapati saling bermusuh-musuhan terhadap satu sama lain, kecuali orang-orang yang bertakwa — yang memelihara diri mereka dari kejahatan.

Kepada orang-orang yang bertakwa itu Allah mengatakan: "Wahai hamba-hamba-Ku! Pada hari ini (hari akhirat) kamu tiada akan menaruh rasa takut dan tiada juga akan merasa duka-nestapa."

Mereka itu terdiri dari orang-orang yang beriman, percaya dan yakin akan keterangan-keterangan Allah dan mereka tunduk kepada kebenaran Allah.

Kepada mereka itu Allah mengatakan lagi: "Masuklah kamu berserta isteri-isteri kamu ke dalam taman syurga dengan penuh gembira, berasa beruntung, bertuah dan puas."

Ayat ini adalah mengenai gambaran pada hari kiamat di mana persahabatan semasa di dunia ini bertukar menjadi permusuhan.

Kadi Albaidhawi seorang ahli tafsir yang authoritative telah mentafsirkan ayat berkenaan. Menurutnya permusuhan sesama orang-orang yang dahulunya saling bersahabat itu berlaku setelah jelas kepada mereka bahawa jalinan persahabatan mereka semasa di dunia adalah jalinan yang membawa azab kesengsaraan di hari akhirat. Ini tidak berlaku kepada orang yang takwa yang bersahabat kerana persahabatan di kalangan mereka adalah dijalin dan terbuhul dengan tujuan membawa ketaatan kepada Allah, yang faedah serta manfaatnya kekal-abadi.

### FAHAMAN BIASA

Dalam fahaman biasa, sesuatu jalinan persahabatan adalah merupakan perhubungan. Dan persahabatan ialah suatu natijah, suatu hasil dari sesuatu perhubungan. Persahabatan karib, yang kokoh adalah juga hasil perhubungan yang rapat dan dijalin dengan berkesan.

Tetapi persahabatan dan perhubungan yang baik itu belumlah boleh disifatkan sempurna dan berfaedah jika setakat melahirkan persefahaman, kerjasama, bantu-membantu, sokong-menyokong dan sebagainya lagi tetapi persefahaman dan kerjasama, bantu-membantu dan sokong-menyokong itu mestilah ditentukan asasnya, mestilah dikenalpastikan tujuannya.

Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam terjemahannya: "Persahabatan yang bukan dalam lingkungan ajaran Allah, yakni asasnya dan tujuannya tidak membawa orang-orang bersahabat itu kepada mentaati Allah, maka persahabatan yang sedemikian akan menjadi permusuhan serta juga penyesalan."

Kerjasama dan persefahaman sebagai hasil persahabatan dan perhubungan rapat lagi berkesan belumlah boleh dijamin akan kekal dan menguntungkan jika dijalin dan dibuhul dengan tujuan-tujuan yang salah, jika ditegakkan pada asas-asas yang salah, yang bathil. Maka apakah tujuan yang betul dan apakah pula asas yang hak, yang benar dan yang betul bagi sebarang persahabatan dan bagi sebarang perhubungan?

Allah Subhanahu Wataala dalam firman-Nya mengenai persahabatan di dunia yang bertukar menjadi permusuhan di hari akhirat itu telah mengecualikan orang-orang yang takwa daripada mengalami permusuhan sesama sendiri.

### ASAS SEBENAR

Ini menegaskan bahawa asas yang hak, yang benar dan yang betul bagi sesuatu persahabatan dan perhubungan sesama manusia adalah takwa iaitu taat kepada Allah. Seseorang yang taat kepada Allah melihat perhubungannya dengan orang lain sebagai suatu yang natural, yang tabie', yang semulajadi bagi faedah-faedah kehidupan di dunia yang kesannya membawa kepada hari kendila, hari akhirat. Maka takwa yang menjadi asas sesuatu persahabatan dan perhubungan dengan sendirinya akan membentuk serta mendorongkan berbagai tujuan yang baik — bukan baik setakat sesuatu faedah-faedah bahkan baik serentak dengan kesannya yang diterima dan dijamin oleh Allah Subhanahu Wataala tidak akan bertukar menjadi permusuhan, dan tidak akan berkesudahan dengan sebarang penyesalan.

Persahabatan dan perhubungan yang baik serta berfaedah itu adalah dijalin dalam bentuk-bentuk biasa tetapi berasaskan asas yang hak iaitu takwa. Anas bin Malik seorang ahli Hadis memetik suatu riwayat bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda, yang maksudnya: "Pada suatu hari Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam memberitahu sahabat-sahabat Baginda bahawa bagi Allah Subhanahu Wataala itu ada hamba-hamba-Nya pada hari akhirat disediakan mimbar untuk mereka duduk. Mereka itu terdiri daripada suatu golongan yang pakaiannya serba bercahaya dan wajahnya juga serba berseri-seri. Mereka bukanlah dari gulungan para Nabi dan bukan juga dari kalangan para pejuang yang mati syahid." Lalu sahabat-sahabat pun bertanya kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, "Siapakah garangan mereka itu wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Mereka ialah orang-orang yang semasa hidupnya saling kasih-mengasihi pada mentaati Allah, dan saling kunjung-mengunjungi pada mentaati Allah, dan saling sama duduk semajlis pada mentaati Allah."

Ya! Persahabatan dan perhubungan yang ternyata biasa iaitu saling kasih-mengasihi, kunjung-mengunjungi dan bergaul dalam majlis-majlis. Akan tetapi bentuk yang biasa ini mestilah padat-padu berisi tujuan yang murni, dan mestilah kokoh-teguh pada asas yang suci iaitu pada mentaati Allah. Persahabatan dan perhubungan yang dijalin dengan takwa sedemikian itu akan menggerakkan rasa tulus ikhlas dan akan mendorongkan sikap jujur serta lurus terhadap sahabat dan akan menentukan nilai serta had-had yang sepatutnya bagi sesuatu persahabatan dan perhubungan sesama manusia.

### KEBERUNTUNGAN

Sesungguhnya orang-orang yang bersahabat dengan tujuan-tujuan yang murni itu iaitu untuk membawa kepada mentaati Allah, dan orang-orang yang menjalin perhubungan pada asas yang suci itu iaitu ketaatan dan ketakwaan kepada Allah pasti akan bahagia disebabkan persahabatan dan perhubungannya. Di dunia ia tidak akan kecewa oleh tipu muslihat orang-orang bersahabat. Dan pada hari akhirat ia akan mendapati dirinya dilindungi daripada azab siksa dan dia beroleh kebahagiaan abadi, tiada walang dan tiada duka-nestapa, dan dia menjadi ahli syurga!

Sahabat Nabi Salallahu Alaihi Wassalam Abu Hurairah meriwayatkan sebuah Hadis yang bermaksud: "Bahawa pada hari kiamat Allah Subhanahu Wataala bertanya: "Mana dia orang-orang yang saling kasih-mengasihi dan sayang-menyayangi dengan mentaati-Ku dan bagi tujuan-tujuan ketaatan kepada-Ku? Demi kemuliaan dan kebesaran-Ku, pada hari ini (hari akhirat) nescaya akan-Ku lindungi mereka itu dengan perlindungan-Ku di hari yang tiada perlindungan lain dapat menghindarkan sesiapa daripada azab melainkan perlindungan-Ku."

Makna firman Allah ayat 68 Surah Az-Zukhruf, "Wahai hamba-hamba-Ku yang takwa yang menjalin persahabatan dengan jalinan ketaatan kepada-Ku, tiada akan ditimpakan ke atas kamu pada hari akhirat ini, dan kamu tiada juga akan bermuram-durja, berhati walang dan duka-nestapa." dan maksud firman-Nya lagi: "Masuklah kamu ke taman syurga berserta dengan isteri kamu dengan penuh gembira."

Ya! Allah Subhanahu Wataala menjanjikan syurga kepada orang-orang yang bersahabat dengan tujuan yang murni, yang menjalin perhubungan pada asas yang suci iaitulah orang-orang yang takwa, yang taat kepada Allah. Dalam persahabatan dan perhubungan dengan orang lain seorang yang takwa sentiasa memelihara dirinya daripada melakukan kejahatan, baik kejahatan ke atas dirinya sendiri mahupun kejahatan ke atas orang lain yang menjadi sahabatnya dan orang yang terlibat dalam sebarang perhubungan dengannya.

### MENGHARAP FAEDAH

Memanglah wajar bagi sesiapa mengharapkan sebarang faedah daripada persahabatan dan perhubungannya dengan orang lain. Tetapi adalah lebih wajar pula diingat bahawa faedah yang sebaik-baiknya ialah faedah yang diperolehi daripada perhubungan persahabatan yang berkekalan yang tidak berkesudahan dengan sebarang penyesalan baik di dunia mahupun di hari akhirat.

Dalam majlis ini, perhatian kita ditarik kepada kata-kata tema pertandingan iaitu 'Perhubungan Sebagai Sumber Perpaduan dan Pembangunan'. Ini sekurang-kurangnya dapat difahamkan bahawa kita diajak dan dipelawa serta diserukan untuk menjadikan sebarang perhubungan di antara kita sebagai dorongan, sebagai galakan, sebagai ilham dalam mewujudkan perpaduan dan meneguhkannya, dalam mendorongkan pembangunan dan meningkatkannya.

Sesungguhnya terdapat banyak kaedah dalam ilmu moden bagi mendorongkan sebarang perhubungan di kalangan umat manusia di berbagai-bagai peringkat dan dalam berbagai-bagai bidang. Malah kerana pentingnya perhubungan itu bagi tujuan-tujuan persefahaman dan kerjasama maka ia telah dipelajari, dikaji dan dihalusi oleh orang-orang yang bukan sahaja berminat bahkan juga oleh orang-orang yang berkepentingan.

Di peringkat tinggi kerajaan ia dipelajari bagi tujuan mengesankan kewibawaan dan kepimpinan kerajaan ke atas rakyat.

Lihat muka 3

# HUBUNGAN SILATURAHIM PENTING UNTUK MENINGKATKAN ETIKA KERJA

Oleh: Ahat Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk mempertingkatkan etika kerja yang bermutu dan sempurna, ketua-ketua Jabatan Kerajaan dalam Kementerian Perhubungan digesa mengekalkan serta mempertingkatkan hubungan tali silaturahim dan sentiasa saling hormat-menghormati terhadap kakitangan bawahan.

Dengan cara begitu setentunya akan dapat mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap dan bersih dalam mewujudkan etika kerja yang lebih berkesan.

"Perhubungan yang baik di antara pihak-pihak tersebut adalah penting dalam menggalakkan etika kerja yang sempurna lagi berdisiplin menurut peraturan hormat-menghormati antara satu sama lain," demikian telah ditegaskan oleh Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin ketika bersabda semasa merasmikan Musabaqah Al-Quran antara Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan bertempat di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada minggu lalu.

Dalam hubungan harian antara Jabatan-jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Perhubungan, Yang Amat Mulia percaya perpaduan rapat dalam semua peringkat akan dapat memberikan pengetahuan yang berguna terutama menyelesaikan apa-apa jua kemusykilan.

"Bagi mencapai matlamat ini adalah jelas bahawa perhubungan yang mesra dan persaudaraan yang rapat di kalangan kakitangan kerajaan adalah pokok penting dan yang demikian perlu untuk diwujudkan," sabda Yang Amat Mulia.

Dalam konteks perhubungan ugama, Yang Amat Mulia bersabda Al-Quran merupakan tali perhubungan semua umat Islam di seluruh dunia dengan tidak mengira bangsa, warna kulit, dan bahasa, kerana ianya merupakan punca perpaduan umat Islam dan segala isi kandungannya tidak akan berubah-ubah.

Yang Amat Mulia kemudiannya menasihatkan agar kesucian kitab suci Al-Quran sentiasa dijaga dan difahami segala isi kandungannya sebagai panduan kehidupan seharian di samping sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wataala.

Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad yang mewakili Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos, dan Dayang Saadiah binti Serudin mewakili Jabatan Kenderaan Darat masing-masing menjadi johan qari dan qariah dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Jabatan-jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Perhubungan.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi oleh Awang Ahmad bin Haji Meruddin mewakili Jabatan Laut, dan tempat ketiga ialah Awang Abu Bakar bin Haji Md. Yassin dari Jabatan Penerbangan Awam.

Bahagian qariah, tempat kedua telah disandang oleh Dayang Hajjah Siti Norbanun binti Haji Ahmad dari Jabatan Telekom, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Badariah binti Haji Adi dari Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Pos.



DAYANG Saadiah binti Serudin, johan qariah.

Johan-johan qari dan qariah antara lain menerima hadiah perisai rebutan yang disumbangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan dan juga sumbangan Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan, Awang Ahmad bin Dato Md. Noor, di samping hadiah tiket menunaikan fardu haji yang disumbangkan oleh seorang hamba Allah.

Satu syarahan khas yang disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, dan persembahan lagu nasyid dari Kumpulan Nurul Watan Jabatan Penerbangan Awam turut menyerikan Musabaqah pada malam itu.

Seramai 10 orang peserta iaitu enam qari dan empat qariah yang mewakili Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan telah menyertai pertandingan tersebut.

Peraduan Musabaqah Al-Quran bermula pada tahun 1982 dan antara lain tujuan utamanya ialah untuk menggalakkan dan mempertingkatkan lagi keinginan serta pemahaman Al-Quran selain mempereratkan tali silaturahim di kalangan pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan dalam Kementerian Perhubungan.

Tema musabaqah tahun ialah "Perhubungan Sumber Perpaduan dan Pembangunan" dan pertandingan tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Kenderaan Darat.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin ketika bersabda merasmikan pertandingan tersebut (atas) manakala gambar bawah yang Amat Mulia menyampaikan Piala Kejohanan kepada johan qari, Awang Haji Suhaili.



# TAKWA: Asas perpaduan dan Pembangunan

Sambungan dari muka 2

Di peringkat syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan ia dihalusi dan dikaji bagi tujuan meningkatkan productivity, meningkatkan penghasilan menerusi kerjasama dan persefahaman di antara pekerja dengan majikan.

Begitulah seterusnya di peringkat sesama kita selaku kakitangan dan pegawai dalam organisasi pentadbiran serta perkhidmatan kerajaan. Kita sebenarnya lebih memerlukan suatu perhubungan yang berkesan bagi apa yang disimpulkan oleh kata-kata tema iaitu perpaduan dan pembangunan.

Apa yang mustahak diingat bahawa perpaduan yang selayaknya kita perjuangkan ialah perpaduan bagi tujuan-tujuan yang sah dan berkebajikan, yang suci lagi diredai Allah. Firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud: "Kamu adalah sebaik-baik umat yang ditampilkan di kalangan manusia bagi menyerukan, merayu dan memimpin ke arah makruf, ke arah kebaikan dan bagi menegah, melarang daripada mungkar, daripada kejahatan".

## PERPADUAN

Perpaduan bagi kita bukanlah memadai semata-mata ikatan dengan jalinan muslihat dan kepentingan, sebab muslihat dan kepentingan bukan sahaja pandai berubah-ubah mengikut warna dan mengikut selera zaman bahkan mudah pula menjadi punca berlawan-lawanan di antara sesama orang yang berkepentingan. Kerana itulah Allah Subhanahu Wataala yang maha mengetahui akan perangai dan sikap kita, yang maha arif tentang kelemahan dan kekurangan kita, bermaksud mendidik kita supaya mengurangkan nafsu menjaga muslihat dan kepentingan dalam menjalin perpaduan dengan cara menginsafi bahawa ikatan pertalian dan ikatan perhubungan bagi perpaduan yang tulen lagi hak ialah pegangan kepada Allah, kepada ajaran-Nya sama ada dalam perkara-perkara yang kita suka atau yang kita benci. Maksud firman Allah lagi: "Hendaklah kamu sekalian berpegang teguh pada tali ikatan Allah yakni ajaran-Nya dan janganlah kamu berpecah-belah".

Dengan berpegang kepada ajaran Allah, tunduk berhukum kepada hukuman Allah dalam semua perkara, maka muslihat serta kepentingan orang-orang perseorangan, muslihat serta kepentingan puak dan golongan, kaum dan bangsa, darjat kebesaran dan sebagainya lagi tidaklah sayugia akan menjejaskan perhubungan sesama manusia bagi tujuan perpaduannya yang kekal, yang tulen dan yang hak. Dengan cara yang sedemikian kita manusia kalau pun tidak bebas dari kezaliman-kezaliman tetapi boleh dan dapat mengawal kesan-kesan kezaliman itu.

Betapa indahnya, betapa harmoninya perhubungan di kalangan masyarakat yang tujuannya bagi mewujudkan perpaduan dapat dilihat menerusi gambaran sebuah Hadis. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam maksudnya: "Bantulah saudaramu sama ada ia seorang yang zalim ataupun yang kena zalimi." Para sahabat bertanya! "Wahai Rasulullah kami tahu untuk menolong dan membantu saudara kami yang kena zalimi tetapi bagaimanakah pula kami disuruh membantu saudara kami yang zalim, yang aniaya?" Baginda menjawab, dengan sabdanya: "Sekiranya ia seorang zalim maka hendaklah kamu larang dan cegah ia. Yang sedemikian itu adalah cara berkesan bagi kamu membantunya supaya ia dapat kamu selamatkan daripada terus menerus zalim, bukan dengan membantu menegakkan kezalimannya dan bukan juga dengan memihak kepada perbuatan zalimnya".

Begitulah perpaduan yang kita tuntut dan layak kita perjuangkan. Dan kerana itu perhubungan yang layak kita jalin ialah perhubungan yang diharapkan dapat membawa kita kepada sentiasa mentaati Allah.

## PEMBANGUNAN

Mengenai pembangunan, maka selayaknya kita mengungkayahkan pembangunan itu dengan dorongan takwa kepada Allah, sentiasa insaf bahawa kita ini hamba Allah. Sebab tinggi mana pun taraf dan standard pembangunan yang kita telah capai dan akan capai nanti, dan sebesar mana pun size kedudukan kita berikutan meningkatnya kemajuan di berbagai-bagai bidang namun kita adalah tetap kita: manusia, hamba Allah dan makhluk-Nya — yang dikehendaki sentiasa mengabdikan diri kepada-Nya, mentaati-Nya dan sentiasa pula berharap kepada petunjuk serta perlindungan-Nya.

Pengalaman sejarah umat manusia telah mengajarkan, mana-mana umat yang lupa daratan berikutan daripada kemajuan dan ketinggian tamadunnya sehingga berani menolak kebenaran dan pimpinan Allah menerusi para Nabi dan para rasul, umat tersebut telah dimusnahkan, tamadunnya menurun dan seterusnya runtuh, kemajuan pembangunannya tidak menjamin kesejahteraan. Firman Allah mengenai satu daripada umat purbakala di zaman Nabi Salleh Alaihisalam tafsirnya: Dan sesungguhnya penduduk Hijir iaitu kaum Thamud telah mendustakan rasul yang diutus oleh Allah bagi memberi peringatan kepada mereka supaya tidak terus-menerus lupa daratan. Dan Allah Taala kurniakan kepada mereka ajaran supaya mereka beroleh kesejahteraan yang sebenar. Dan mereka berpuas hati dengan memahat bukit batu untuk tempat kediaman yang dianggap dapat menyelamatkan mereka dari sebarang malapetaka. Lalu tiba-tiba sahaja mereka ditimpa suara gemuruh di waktu pagi. Dan ternyata sesudah itu apa-apa yang mereka usahakan atau pembangunan yang mereka ungkayahkan sehingga mencapai berbagai-bagai kemajuan sedikit pun tidak menjamin mereka untuk hidup sejahtera dan aman.

Sebaliknya umat atau bangsa yang membangun dengan takwa, sentiasa insaf akan dirinya, sentiasa pula mensyukuri nikmat serta rahmat Allah, percaya dan yakin akan kekuasaan Allah, tunduk kepada hukum Allah, sentiasa mengawal diri dari sebarang kejahatan — umat atau bangsa yang sedemikian diberikan janji oleh Allah untuk mendapat keberkatan serta rahmat-Nya, kecualilah mereka sendiri menolak berkat dan rahmat itu dengan mendustakan ajaran-ajaran Allah. Firman Allah tafsirnya: Dan kalau kiranya penduduk negeri itu sentiasa beriman serta bertakwa, memelihara dirinya dari kejahatan, nescaya Allah bukakan kepada mereka keberkatan dari langit dan dari bumi, yakni berbagai-bagai sumber bagi mereka mencukupkan keperluannya. Malangnya mereka mendustakan juga kebenaran ajaran Allah maka Allah siksa mereka dengan menurunkan fitnah dan berbagai malapetaka disebabkan apa yang mereka usahakan.

## NEGARA KITA

Negara kita Brunei Darussalam, Alhamdulillah — terus-menerus dibangunkan, kita umatnya telah disatupadukan. Mujurlah dari awal lagi kesedaran telah bertapak di bumi Brunei yang bertuah ini bahawa dalam membangunkan negara, memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat serta penduduk, kita telah menerima kepimpinan yang bijak untuk terus memelihara pegangan yang turun-temurun iaitu Islam. Kita telah berjaya, dan setakat ini serta sejauh ini, strategi, kita membangun negara serta meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk ternyata mencapai sasarannya. Sebagai kesannya ialah kita hidup dalam aman dan selamat. Ini menandakan kita beroleh rahmat serta perlindungan Allah di atas ketaatan kita kepada-Nya.

Begitulah juga perpaduan. Kita telah menerima kepimpinan yang bijak sehingga berhasil mewujudkan suatu perpaduan yang kokoh. Menerusinya, setakat ini dan sejauh ini, kita berjaya mempunyai Kerajaan dan negara yang memberi khidmatnya dan perlindungannya kepada segenap lapisan rakyat serta penduduk di mana kita sekalian hidup sejahtera. Ini tandanya negara kita mendapat rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala di atas ketaatan sekalian kita kepada Allah.

Maka yang sedemikian itu tugas kita seterusnya ialah mempastikan yang kita tidak akan lupa daratan, kita tidak akan terlepas pegangan, kita tidak akan hilang pedoman — semata-mata kerana hidup dalam aman, sejahtera dan mewah. Sebaliknya keamanan, kesejahteraan dan kemewahan hendaknya menjadikan kita sentiasa bersyukur kepada Allah, berazam terus-menerus mencapai kemajuan yang berkebajikan, menjadikan negara kita negara yang indah makmur di bawah perlindungan Allah yang maha pengampun.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ....Siri ke-249



# PENGANUT 'FREEMASON' DAN 'ROTARY' .........KUFUR

RABITAH Al-Alam Al-Islam yang berpusat di Mekah Al-Mukarramah di dalam persidangan Lembaga Majlis Fiqh Islam di Mekah telah mengambil keputusan bahawa adalah Freemason dan 'Kelab-Kelab Rotary' itu adalah perbuatan kufur dan orang-orang yang menganut fikiran freemason dan kelab-kelab rotary itu adalah kufur.

Dalam Persidangan Lembaga Fiqh Islam Sedunia, pada 15 Julai, 1978 telah membahaskan perkara kelab freemason atau Masuniah dan perkara orang-orang bergabung dengannya dan hukum Islam pada perkara itu, dengan katanya:

*"Freemason suatu pertubuhan sulit, tersembunyi hingga kepada anggota-anggotanya, kecuali orang-orang khas yang sangat-sangat khas yang sampai kemuncak-kemuncak Freemason itu, anggota-anggota freemason itu terasas di atas asas yang zahir sahaja dan pura-pura sahaja bagi mengaburkan mata orang, iaitu mengajak persaudaraan kemanusiaan dengan tiada beza di antara akidah-akidah dan mazhab-mazhab itu, freemason itu menarik orang-orang siapa yang mereka fikir boleh, dengan jalan mengajak berpura-pura pada mengadakan persaudaraan freemason di serata bumi ini, supaya dapat pertolongan daripada tiap-tiap orang yang menganut freemason dalam hajat-hajat dan tujuan-tujuan masing-masing itu dan boleh menolongnya apabila orang itu berminat di dalam arena politik dan siasah dan boleh menolongnya dalam apa jua perkara dan hajatnya.*

*Freemason itu pada asalnya dan puncanya ditubuhkan oleh orang-orang Yahudi, dan dari usaha daya orang-orang Yahudi Zionis, tujuan sulitnya ialah menentang apa jua ugama. Freemason sangat memilih orang-orang yang menganut dengannya ialah orang-orang yang ternama di dalam lapangan kewangan, atau lapangan siasah dan politik atau sosial dan ternama, freemason itu mempunyai banyak cawangan dan cawangan-cawangan itu memakai berbagai-bagai nama bagi mengelirukan fahaman dan pandangan orang pada perkara pertubuhan sulit freemason itu, dan cawangan freemason yang nyata dan ketara di hadapan ramai, ialah pertubuhan Singa, pertubuhan Rotary, dan pertubuhan Lions dan lain-lain seperti Jehora's Witness."*

Katanya: "Telah ternyata dan ketara bahawa perhubungan yang rapat sangat di antara freemason dan cawangan-cawangan rotary, singa, lions, itu dengan pertubuhan sihyun atau zionis antarabangsa yang bertujuan menguasai manusia dan negeri-negeri dan kerajaan-kerajaan dalam dunia ini di bawah pengaruh dan faedah mereka, freemason telah berdaya mempengaruhi kebanyakan orang-orang yang bertanggungjawab dalam negeri-negeri Arab dan lainnya (seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Jerman dan Masuniah). Dari sebab itu freemason atau masuniah dalam bahasa Arab, suatu pertubuhan yang sangat-sangat merbahaya bekerja merobohkan ugama Islam dan orang-orang Islam dan umat Islam, dan barangsiapa menganut fahaman freemason dan ia ketahui akan hakikat freemason itu dan tujuan-tujuan sulitnya maka orang itu menjadi kafir dan keluar dari ugama Islam dan meninggalkan umat Islam."

Katanya: "Suatu perkara yang dahsyat bahawa Kelab-Kelab Rotary itu telah berkembang dalam kebanyakan negeri-negeri Islam, dapat perhatian dan sokongan daripada pemimpin-pemimpin negeri-negeri Islam itu, dan daripada orang-orang dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, mereka memberi berkat dengan membuka rasmi akan majlis-majlis dan persidangan kelab-kelab dan pertubuhan-pertubuhan Rotary itu, dengan terang-terang, tidak malu dan segan-segan."

Katanya: "Rotary itu suatu pertubuhan freemason berpura-pura kasihankan kemanusiaan, padahal ia berusaha memerangi segala ugama, dan memerangi segala nilai-nilai akhlak yang terpuji dan mulia."

Katanya: "Bahawa Lembaga Majlis Fiqh Islam Sedunia di bawah Pertubuhan Liga Islam Rabitah Al-Alam Al-Islami berpusat di Mekah Al-Mukarramah telah membuat keputusan dan telah berpendapat bahawa Rotary itu suatu pertubuhan yang sangat-sangat merbahaya dan bekerja meruntuhkan ugama Islam dan umat Islam, dan barangsiapa menganut Rotary atau freemason itu adalah ia kafir setelah ia mengetahui akan hakikat kedudukan Rotary itu."

Menurut Rabitah Al-Alam Al-Islami: "Adalah Rotary itu suatu anak pertubuhan sulit freemason atau masuniah, dan anak-anaknya yang lain seperti pertubuhan merata-rata dunia Islam, membawa cogan-cogan kata "damai dan persaudaraan" dan menghimpunkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan ahli fikir Islam ketika itu juga Rotary itu dengan sulit-sulit dan diam-diam bekerja bagi sampai pada matlamatnya dan tujuannya ialah merobohkan segala rupa ugama, dan nilai-nilai kemanusiaan dan perangai-perangai yang mulia, dan menggantikan dengan sifat-sifat Ilhad (atheis), lacur dan kotor dan buruk dan tiada percayakan Allah Taala.

*(Sila rujuk hakikat Rotary dalam Akhbarul Alami Al-Islami bilangan 726 hari Isnin 26 Rejab, 1403 bersamaan 9 Mei, 1983, dan bilangan 727 hari Isnin 4 Syaaban, 1403 bersamaan 16 Mei, 1983 dan hakikat freemason atau masuniah bilangan 849 hari Isnin 25 Muharram, 1404 bersamaan 21 Oktober, 1983 yang diterbitkan oleh Liga Islam di Mekah Al-Mukarramah dan lain-lain bilangan yang telah disiarkan lebih dahulu daripada yang tersebut itu dan bilangan 876 Isnin 2 Syaaban, 1404 bersamaan 7 Mei 1984 perkara Rotary dan Lions.)*

### PERGERAKAN ZIONIS ANTARABANGSA

Sihyuniah (Zionisma) itu suatu pergerakan siasah perkauman yang percayakan bahawa bangsa Yahudi, ialah semulia-mulia Ansar dan sebagus-bagus bangsa di atas muka bumi, dan lain-lain bangsa dan umat semuanya haiwan belaka, dijadikan bagi berkhidmat kepada Sihyuniah atau (Zionisma).

Sihyuniah itu bercita-cita hendak menawan semua alam ini dengan mendirikan sebuah Kerajaan yang satu di seluruh alam dunia ini, dengan berpusat di Israel, sentiasa bekerja merobohkan segala iktikad kepercayaan dan Mazhab-Mazhab yang ada sekarang bagi faedah Sihyuniah itu sendiri.

Sihyuniah itu menggunakan dan menjadikan Komunis dan Kapitalism sebagai tangga sampai pada tujuan-tujuan Sihyuniah itu dan berkhidmat keduanya pada pihak Sihyuniah.

Sihyuniah membuat plan dan mengatur rancangan bagi merosakkan pemuda-pemuda, pemudi-pemudi dan generasi muda dalam kelakuan mereka, dengan menggunakan alat sebaran am dan alat-alat kemewahan moden.

Sihyuniah sentiasa bekerja pada memecah-belahkan alam Islam dan melemahkan kekuatannya (sebagaimana di Lebanon, di Syria dan Al-Ardin dan lain-lain tanah Arab).

Wajiblah didedahkan plan-plan dan rancangan-rancangan Sihyuniah kepada orang Islam khususnya, dan kepada dunia amnya.

(Dipetik dari risalah Rabitah Al-Alam Al-Islami dalam Persidangan Kongres Islam Asia di Karachi 6 Julai, 1978 dan dari Fatwa berturut-turut bilangan 35 tarikh: 30 Oktober, 1978).

Hendaklah diambil perhatian bahawa nama-nama yang disebutkan di bawah ini adalah sebagai Masuniah dan dibuat muamalah kepadanya, bagaimana muamalah kita kepada **Masuniah itu iaitu Kelab Rotary, Kelab Lions, Kelab Harakatul Tasalluhilkhuluqi (MORAL ARMAMENT MOVEMENT), Kelab Ekhul Huriah (BROTHERS OF LIBERTY), Kelab Syuhud Yahwah (JEHOVA'S WITNESS)**

Menurut Rabitah Al-Alam Al-Islami dan Lembaga Majlis Fiqh Sedunia bahawa Pertubuhan Singa-Singa (Munazamatul Usud), Rotary, dan Lions adalah anak-anak pertubuhan sulit freemason, dari itu kita boleh hukum orang Islam yang menganut dan menjadi ahli Kelab Lions itu.

WALLAHUAKLAM

### KESIMPULAN

Menurut Rabitah Al-Alam Al-Islami di Mekah Al-Mukarramah dan Lembaga Majlis Fiqh Islam Sedunia di Mekah Al-Mukarramah dapat kita faham bahawa Kelab Lions itu ialah anak pertubuhan sulit Freemason dan Freemason itu pertubuhan kufur dan cawangannya, maka barangsiapa masuk bergabung dengan Rotary atau Lions itu setelah ia mengetahui akan hakikat dan kedudukan pertubuhan-pertubuhan itu, maka ia jadi kafir dan keluar dari ugama Islam sebagaimana keputusan Lembaga Fiqh Islam Sedunia di Mekah Al-Mukarramah itu.

WALLAHUAKLAM

# Pegawai ugama ke Jeddah

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin dan disertai oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam dan Ketua Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Mohd Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim kini sedang berada di Jeddah atas undangan daripada Pertubuhan Islam Sedunia (Rabitah Al-'Alam Al-Islami).**

Undangan tersebut telah diterima daripada Tuan Yang Terutama Syeikh Mohd. Nasser Aboudi, Pemangku Setiausaha Agung Pertubuhan tersebut di Mekah, Saudi Arabia.

Sementara itu Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abd Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam berada di Kaherah, Mesir juga untuk mengikuti rombongan tersebut.

Negara Brunei Darussalam pada masa ini, sememangnya mempunyai hubungan yang rapat dengan Pertubuhan Islam Sedunia khususnya dengan tertubuhnya Majlis Tempatan bagi Masjid-Masjid Negara ini yang bergabung dalam Majlis Tertinggi Masjid-Masjid Sedunia yang berpusat di Mekah.

Di samping itu Negara Brunei Darussalam juga sering menerima kunjungn daripada pegawai-pegawai tertinggi pertubuhan tersebut. Antaranya pada tahun 1981, negara kita telah menerima lawatan dari Syed Ali Mohd Mokhtar bekas Penolong Setiausaha Agung Rabitah Al-'Alam Al-Islami dan Tuan Ahmad Umar Bazzar. Dan bersempena dengan Perasmian Majlis Tempatan Masjid-masjid Negara Brunei Darussalam iaitu pada 1 April, 1983 lepas, pertubuhan tersebut telah menghantar wakil-wakilnya yang terdiri dari Syed Ali Mohd Mokhtar dan Syed Mohd Nasser Al-Aboudi dan begitu juga ketika Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan pada 23 Februari, 1984 yang lalu.

### DISAMBUNG MINGGU DEPAN

**OLEH kerana kesuntukan ruangan, sambungan rencana "ASEAN: Pertubuhan Serantau Yang Berwibawa" tidak dapat disiarkan pada keluaran minggu ini. Insya-Allah sambungan rencana tersebut akan disiarkan dalam keluaran minggu depan. — Penyunting.**

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 31 Oktober, 1984 hingga ke hari Selasa 6 November, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 31 | 12.10 | 3.27 | 3.28 | 6.08 | 6.09 | 7.22 | 7.23 | 4.47 | 4.33 | 4.48 | 6.04 | 6.05 |
| 1– 5 | 12.10 | 3.27 | 3.28 | 6.06 | 6.07 | 7.20 | 7.21 | 4.47 | 4.33 | 4.48 | 6.04 | 6.05 |
| 6 | 12.10 | 3.27 | 3.28 | 6.06 | 6.07 | 7.21 | 7.22 | 4.48 | 4.34 | 4.49 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# SUKAN: APAKAH SEMATA-MATA UNTUK KESIHATAN?




ISLAM adalah menggalakkan pengikut-pengikutnya supaya sentiasa bersikap cergas, aktif, dan sebagainya yang membawa ke arah kemajuan dan kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Sebaliknya Islam tidak menggalakkan penganut-penganutnya bersifat atau bersikap pasif, beku, pemalas dan sebagainya, yang membawa ke arah kemunduran dan kelemahan bagi kedua-dua kehidupan tadi. Ini jelas seperti mana yang diterangkan oleh hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang maksudnya: "Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dari seorang mukmin yang lemah."

Adapun yang dikehendaki dengan mukmin yang kuat dan cergas itu bukanlah hanya setakat pada kekuatan fizikal iaitu tubuh badan, sehingga di antara kita, lantaran untuk menguatkan otot atau mengurangkan manamana yang patut dikurangkan telah berusaha dengan berbagai-bagai macam latihan senaman seperti berlari dan lain-lainnya.

Sebenarnya berlatih bersenam ataupun bersukan tidaklah ada tegahan dalam Islam jika sekiranya itu berlandaskan ajaran-ajaran Islam iaitu tidak melanggar tatatertib kesopanan yang digariskan oleh Islam. Kerana Nabi kita Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam di antara kegemaran Baginda ialah bersukan menunggang kuda dan memanah. Nabi kita berbuat demikian bukanlah semata-mata untuk mencergaskan tubuh badan Baginda bahkan adalah bertujuan untuk mendapat kemahiran dalam peperangan menentang musuh-musuh Baginda. Selain dari itu supaya tidak merasa malas untuk bekerja dalam beramal ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala.

Jika kita hanya mengamalkan falsafah bersukan atau berlatih senaman, semata-mata untuk kesihatan dan kecergasan tubuh badan, maka sudah tentu bila kita bersukan atau berlatih senaman itu kita tidak akan menghiraukan kewajipan-wajipan kita terhadap Allah Subhanahu Wataala. Bahkan kita akan lebih mengutamakan senaman kita itu walaupun waktu-waktu sembahyang telah masuk atau hampir hendak habis, di samping segala batas-batas kesopanan yang patut dan wajib kita pelihara sebagai seorang Islam baik lelaki atau perempuan tidak kita hiraukan, bahkan apa yang diutamakan ialah semata-mata supaya sihat badan dan mudah untuk mencapai kepentingan dunia.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tubuh badan yang sihat itu akan dapat melahirkan daya gerak tubuh badan yang kuat serta daya fikiran yang cergas lagi dinamik. Akan tetapi kesihatan dan daya kekuatan tubuh badan walaupun akal pemikiran yang cergas dimiliki itu bukanlah hanya untuk kepentingan keduniaan semata-mata iaitu supaya akan dapat mengamati kesenangan dunia yang ada. Manakala kepentingan akhirat diketepikan begitu juga kepentingan keugamaan hanyalah diserahkan kepada golongan yang tertentu sahaja.

Sebagai seorang Islam yang mukmin tidak ditegah untuk berusaha mencari dan mengamati kesenangan hidup di dunia ini. Asalkan ia berlandaskan dan mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wataala melalui ajaran ugama-Nya. Sebab itu kita dikehendaki supaya menjadi seorang mukmin yang kuat, kuat dalam berusaha memakmurkan bumi Allah ini, di mana kita sebagai khalifah-Nya, iaitu sebagai orang yang diwakilkan Allah untuk tujuan itu. Di samping itu kita hendaklah juga kuat dalam melakukan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala sebagai hamba-hamba-Nya yang taat akan perintah-perintah-Nya dengan ertikata yang lain kita mestilah mewujudkan keseimbangan dalam mencapai dan mencari kesenangan di dunia dan di akhirat. Kerana itu kita ditegah sekiranya kita terlampau berlebihan dalam beramal ibadat hingga melupakan atau meninggalkan sama sekali urusan hidup di dunia. Sebab itu Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud: "Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepada kamu bagi tempat akhirat dan janganlah kamu lupa bahagian kamu di dunia (kenikmatan dunia)."

Oleh itu wahai kaum muslimin yang dihormati marilah kita sentiasa berpegang dan berpandukan kepada ajaran-ajaran ugama kita dalam segala perbuatan dan pekerjaan ataupun tindak-tanduk kita, terutama dalam mencari kesenangan hidup di dunia. Kerana apa-apa yang kita buat di dunia ini maka itulah juga yang bakal menentukan kesenangan hidup kita di akhirat nanti.

## Pemuda Filipina memelok ugama Islam

DAERAH TUTONG. Seorang pemuda yang berasal dari Filipina, Awang Felipe A. Braillan telah memeluk ugama Islam pada 21 Oktober, 1984 di rumah Awang Haji Idris bin Hamzah Kampong Panchor Papan di sini.

Awang Felipe melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamit, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Ugama Tutong dan telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Salleh bin Abdullah.

Hadiah berupa cenderamata dari Majlis Ugama Islam telah disampaikan oleh Datu Hulubalang Awang Haji Abd. Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Haji Safar.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji Umar, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan Pegawai-pegawai Ugama Daerah Tutong.

Majlis tersebut telah diserikan dengan Persembahan Zikir Marhaban dan bacaan Doa Selamat telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Abd. Hamid bin Metassan.

## Keutamaan membaca Bismillah

*Menuju keredaan Allah*

SERING diperkatakan oleh orang-orang tua yang warak dan takwa serta yang berpengalaman dan berkeyakinan; bahawa amalan-amalan rezeki walaupun sedikit pada pandangan mata kasar tetapi banyak pada hakikatnya. Untuk merenung dan menganalisa kata-kata itu dengan sedalam-dalamnya ialah: Amalan-amalan yang ada padanya berkat, rezeki yang ada padanya berkat dan ilmu yang ada padanya berkat, bagaimanakah kita akan mendapat amalan rezeki, ilmu dan lain-lain yang ada padanya berkat? Dalam ruangan kali ini marilah kita ikuti sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban yang bermaksud: "Setiap urusan (pekerjaan) yang penting yang tidak dimulai dengan menyebut *Bismillahir Rahmanir Rahim*, maka pekerjaan itu akan pincang (tiada berkat)."

Maka dengan itu mengertilah kita bagaimana pentingnya menyebut Bismillahir Rahmanir Rahim pada permulaan tiap-tiap pekerjaan yang kita kerjakan. Kerana di dalam Bismillahir Rahmanir Rahim itu terdapat tiga nama yang terbesar daripada nama-nama Allah yang lain iaitu: Allah, Ar-Rahman, Ar-Rahim, sebab itu juga kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim itu dinamakan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sendiri sebagai "Ismu Al A'zam" iaitu nama teragung dari Allah.

Setiap pekerjaan yang dimulai dengan menyebut nama Allah akan mendapat berkat dari Allah, adapun erti berkat atau barakah itu ialah "sentiasa dalam keadaan baik dan selamat dan sentiasa pula terhindar dari segala marabahaya."

Sebagai hamba Allah, setiap pekerjaan dan urusan pasti ada rintangannya, tidak ada pekerjaan dan urusan tanpa halangan dan rintangan. Ada halangan dan rintangan yang dapat kita ketahui lebih dahulu, tetapi amat banyak rintangan dan halangan itu yang tidak dapat kita ketahui lebih awal.

Walau bagaimanapun setiap halangan dan rintangan sama ada yang kita ketahui sebelumnya dan yang tidak dapat diketahui, maka Allah tetap lebih mengetahuinya, kerana pada hakikatnya setiap halangan dan rintangannya itu adalah takdir dan kehendak dari Allah jua. Sebagaimana kita yakini bahawa Allah lebih mengetahui segala-galanya.

Dengan menyebut Bismillahir Rahmanir Rahim sebelum memulakan pekerjaan yang baik, bukan saja bererti Allah akan turut serta dalam melaksanakan pekerjaan itu, tetapi juga bererti memohon dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala dalam melaksanakan segala urusan pekerjaan kita itu untuk melenyapkan halangan dan rintangan yang telah diketahui Allah terhadap kelancaran pekerjaan itu."

Bila suatu pekerjaan sudah terhindar dari segala halangan dan rintangan dan orang yang mengerjakannya selalunya dalam 'status' ketenangan, kegembiraan, kuat dan sihat, sudah barang tentu hasil dari pekerjaan itu akan baik dan memuaskan.

Ketenangan jiwa dan hati dalam mengendalikan sesuatu urusan adalah amat mustahak. Sebab ia dapat membereskan segala apa jua pekerjaan sama ada yang senang mahupun yang susah. Firman Allah dalam Surah Ar-Ra'du ayat 28 yang tafsirannya berbunyi: "Orang yang beriman dan tenteram (tenang) hati mereka lantaran mengingat akan Allah, ketahuilah hanya dengan mengingat Allah sahajalah hati tetap akan merasa tenang."

Saudara muslimin dan muslimat, ucaplah Bismillahir Rahmanir Rahim dan memulakan segala urusan duniawi apatah lagi urusan-urusan akhirat (ibadah) agar segala urusan akan lancar di samping mendapat berkat dari Allah iaitu ucapan dengan penuh pengertian, kesedaran dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wataala yang menurunkan ayat Bismillah itu.

## Ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Pegawai Polis Diraja Brunei telah mengikuti kursus di Republik Singapura dalam bulan ini.

Inspektor Abd. Murad bin Abd. Hadi telah mengikuti Kursus Keselamatan Perlabuhan selama dua minggu dari 8 hingga 19 Oktober lepas.

Sgt. 935 Awang Panjang bin Mohd. Salleh dan Sgt. Mohammad bin Mahadi telah menghadiri Kursus Pegawai Penjaga Untok Sarjan mulai 15 hingga 20 Oktober.

Kedua dua kursus tersebut dibiayai oleh Kerajaan Republik Singapura.



JOGGING bukan saja dianggap penting untuk kesihatan tetapi juga boleh menenangkan fikiran ....

# DORONGAN: BENCANA TERSEMBUNYI

Oleh: Aisah Piee

SERIA. — Salah satu bencana tersembunyi di bidang pendidikan kita ialah dorongan yang semakin malap dan galakan yang semakin hilang dari pihak-pihak yang sepatutnya turut mendorong dan menggalakkan bidang pendidikan.

Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar baru-baru ini menjelaskan bahawa semangat dan dorongan itu mustahak dari segi dua perkara di mana kita secara masyarakat harus menyediakan pemikiran dan tindakan supaya 50.9 ribu penuntut di negara ini mendapat tempat dalam masyarakat.

"Dan yang kedua, dorongan dan semangat ingin belajar itu hendaklah kita hidupkan dengan maksud jumlah 50.9 ribu itu jangan gugur satu demi satu menjadi hampas-hampas masyarakat," jelas Awang Haji Abdul Saman.

Kurangnya dorongan dan galakan dalam bidang pendidikan itu lagi, jelas Timbalan Pengarah Pelajaran, telah mewujudkan rasa tidak yakin penuntut dalam pelajaran seperti rasa kecewa akan ke mana masa depan mereka, kekacauan jika akan ke mana mereka dan kekacauan jiwa pada segi peluang-peluang pekerjaan.

Beliau berkata, "Apakah maksud kanak-kanak di sekolah tidak yakin dalam pelajaran, seperti yang saya sebutkan tadi, terdapat kekacauan jiwa akan ke mana mereka, kekacauan jiwa pada segi peluang-peluang pekerjaan yang masih melihat wajah dan terpilih kasih di setengah-setengah kejadian."

Berucap di Upacara Penyampaian Hadiah Kepujian Shell Brunei bagi penuntut sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab di seluruh negara di sini baru-baru ini, Awang Haji Abdul Saman seterusnya memberitahu bahawa sesungguhnya dorongan itu ada dalam elemen-elemen ke Bruneian kita sendiri yang boleh diperkembangkan bagi menyelamat kanak-kanak, bukan hanya robot-robot yang akan memenuhi tenaga buruh dalam pasaran tetapi ialah orang-orang Brunei yang mempunyai jiwa dan kehidupan sebagai manusia.

Dari kesedaran itu, Jabatan Pelajaran telah menyediakan konsep 'Dwibahasa' yang salah satu tujuan utamanya bagi menghidupkan semangat dan dorongan belajar di kalangan kanak-kanak dan penuntut, yang mana mereka itu berhak mempunyai harapan untuk mencapai pelajaran tinggi melalui penganutan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, di samping tidak mengkhianati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Jabatan Pelajaran juga telah pun mengisytiharkan satu konsep melalui 'Islam Beraja' yang dilaksanakan dengan penuh kesedaran bahawa Negara Brunei Darussalam harus memelihara kehidupan yang harmoni antara berbilang kaum, dengan harapan penuntut negara ini akhirnya mempunyai pengetahuan yang tinggi, selain dapat mengekalkan kehidupan berkeluarga, rasa hormat kepada ibu bapa, orang tua, guru-guru dan sebagainya.

Timbalan Pengarah Pelajaran itu menjelaskan, "Landasan Islam dalam konsep 'Islam Beraja' itu bukanlah dengan satu cara untuk memaksakan ugama ini kepada orang-orang yang sesungguhnya mengikut Perlembagaan, berhak mengamalkan ugamanya masing-masing secara harmoni dan berketenteraman."

Beliau menegaskan, menjadi tugas Jabatan Pelajaran mengekalkan sistem Beraja sebagai lambang perpaduan agar pembentukan mas yarakat masa hadapan mempunyai matlamat iaitu kita berdua dan hidup bagi mempertahankan tanahair di mana raja ialah lambang perpaduan dan pemerintahan negara.

Bagaimanapun, sokongan dan dorongan di bidang pelajaran, tambahnya lagi, jangan hanya dibebankan kepada Jabatan Pelajaran tanpa ada pihak lain yang ingin memberi semangat dan dorongan dengan cara mengukuh semua gerakan di bidang kegiatan, memperkukuhkan kawalan di bidang lain yang boleh merosakkan.

"Penglibatan Syarikat Minyak Shell Brunei dengan hadiah-hadiah serupa ini harus difahami dengan cara mengambil iktibar dan pengajaran, bagi membangkitkan semangat ikut serta pihak lain, mendorong dan menyemarakkan semangat penuntut-penuntut untuk berlumba-lumba mencapai kejayaan di bidang pelajaran," tegas Timbalan Pengarah Pelajaran.



TIMBALAN Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abd Saman bin Kahar.



SALAH seorang penuntut ketika menerima hadiah kepujian Shell Brunei dari Pengarah Urusan SMSBSB, Awang Nico Van Dijk.

# PELAJARAN TINGGI, PERIBADI TINGGI

SERIA. — Berpelajaran tinggi bererti juga dapat memenuhi kehendak masa dan zamannya, terutama berkeperibadian tinggi yang menjadi ekspektasi masyarakat seluruhnya.

Pegawai Hal-Ehwal Masyarakat Barat Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Mohd. Shariff Haji Naweh berkata, tidak mencukupi seseorang itu dengan hanya berpelajaran tinggi tanpa ianya mempunyai nilai keperibadian yang mencerminkan nilai hidup, bangsa, budaya dan peradapan masyarakat, khususnya masyarakat Melayu orang-orang Brunei Darussalam.

Beliau menegaskan, "Pendidikan yang lengkap bagi seseorang itu adalah kunci hidup yang bersinar, bagaimanapun sifat-sifat dalam bidang pelajaran, tegasnya mereka yang berpelajaran mahupun yang berpengetahuan yang dihubung-kaitkan dengan kaedah-kaedah itu tadi, hendaklah semestinya dihasratkan untuk akan dapat mencapai kepada bentuk keperibadian seseorang."

Dalam hubungan ini, nilai-nilai keperibadian itu ialah seperti wujudnya ciri-ciri ketepatan, terang dan jelas, sifat ingin mengelinga, jujur, amanah dan bersistem, dengan tidak menimbulkan sifat 'malastah kuingau."

Berucap sebagai wakil Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad di Upacara Penyampaian Hadiah Kepujian di Kelab Ria Shell di sini hari Rabu lalu, Awang Mohd. Shariff menambah kata, bidang pelajaran atau pembelajaran mempunyai falsafah tersendiri, dalam bentuk yang boleh menjadikan seseorang itu hidup bertamadun, berperikemanusiaan, berdisiplin serta bertanggungjawab terhadap masyarakat, bangsa dan negaranya.

"Bidang pelajaran dalam konteks yang lebih meluas, bukan saja mencari ilmu dalam apa yang dikatakan akademik, tetapi juga berpengetahuan menilai pentingnya ciri-ciri pengetahuan yang diperolehi, pentingnya seorang yang berpelajaran itu mempunyai disiplin yang tidak syak lagi menjamin keharmonian hidup seseorang dalam menyesuaikan dirinya dengan masyarakat," ujarnya lagi.

Hadiah Kepujian Shell Brunei tahun ini telah diberikan kepada seramai 118 orang penuntut sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab di seluruh negara, termasuk sekolah-sekolah Misi dan China.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Nico Van Dijk, yang juga terdahulu dari itu telah menyampaikan ucapan ringkas.

## Berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuh orang pegawai dari Jabatan Bomba — seorang Pegawai Balai dan tujuh orang Ahli Bomba Kanan kini berada di Singapura untuk mengikuti kursus di republik tersebut.

Awang Zaini bin Haji Maidin, Pengiran Emran bin Pengiran Ahmad, Tassim bin Haji Abd. Rahman, Haji Salleh bin Ali Hassan, Besar bin Serudin, Muhammad bin Yahya, Tassim bin Aman dan Adanan bin Haji Dullah mengikuti kursus "Rescue And Aircraft Fire Fighting" di Pusat Latihan Penerbangan Awam Singapura.

Kursus tersebut diadakan selama empat minggu

# Cuba menipu: K.K. didakwa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Kampong Pengiran Kerma Indera Negara, Bandar Seri Begawan telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini pada 17 Oktober yang lalu atas dakwaan kerana cuba menipu Jabatan Perbendaharaan.

Pengiran Mahmod bin Pengiran Maidin, 39 tahun didakwa kerana membuat tuntutan palsu sebanyak tiga kali berhubung dengan bayaran kemajuan pinjaman perumahan Kerajaan.

Beliau didakwa di bawah Bab 6(C) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981.

Pengiran Mahmod dibebaskan dengan ikatan jaminan $10,000 dan dua orang penjamin.

Kes ini akan dihadapkan lagi pada 7 November depan.

Sementara itu, Mahkamah yang sama telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak $4,000.00 ke atas Yong Jee Chong @ Tanjong kerana memberi rasuah kepada dua orang pegawai Polis Diraja Brunei.

Mahkamah diberitahu bahawa Yong telah memberi rasuah sebanyak $200.00 melalui Kua Beng Tai kepada Sgt 865 Johan bin Haji Sabtu dan PC 1126 Abdul Wahab bin Haji Abdul Ghani supaya tidak memberikan maklumat kepada pegawai-pegawai kanan Polis tentang rumah perjudiannya di Kampong Sultan Lama untuk membolehkan rumah perjudian itu digunakan tanpa diserbu oleh pihak Polis dari 21 hingga 26 Disember 1983.

Yong didapati salah di bawah Bab 6 (C) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981. Dia telah membayar denda tersebut.

# Jadual lawatan doktor terbang bagi bulan November

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan doktor yang menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung pedalaman bagi bulan November depan.

Menurut jadual, rombongan tersebut akan melawat tiga buah kampung di Daerah Belait iaitu pada 5 November rombongan tersebut akan berada di Kampong Buau, pada 20 November di Kampong Sukang dan pada 21 November di Kampong Melilas.

Rombongan tersebut juga akan membuat lawatan ke kampung-kampung di Daerah Tutong pada 6 November ke Kampong Benutan, 7 November ke Kampong Mapol, 14 November ke Kampong Ukong, 20. November ke Kampong Belabau, 26 November ke Kampong Supon Besar, 27 November ke Kampong Long Mayan dan 28 November ke Kampong Bukit.

Dua buah kampung di Daerah Temburong yang akan dilawati oleh rombongan tersebut ialah Kampong Lopat pada 12 November dan Kampong Biang Menengah dan Lamaling pada 13 November.



Awang Ahmad



Awang Tengah

# Penguasa Pos berkursus di PLPAP, Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Penguasa Pos kini berada di Bangkok untuk mengikuti kursus di Pusat Latihan Pos Asia-Pasifik.

Awang Ahmad bin Haji Nordin dan Awang Tengah bin Haji Abdullah mengikuti Kursus Penyusunan dan Perkelilingan Semula Hantaran Mel kali ke-6 (6th Mail Routeing Circulation Course).

Awang Ahmad mengikuti kursus tersebut di bawah biasiswa Fellowship dari Australian Fund sementara Awang Tengah dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Kursus tersebut diadakan selama lapan minggu bermula pada 29 Oktober dan akan berakhir pada 21 Disember 1984 depan.

# Dadah masalah sosial yang serius

Oleh: Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahaya penyalahgunaan dadah yang dihadapi oleh manusia hari ini, rawatan dan pencegahannya adalah di antara yang telah diceramahkan oleh Awang Abdul Majid bin Haji Abdul Rahman kepada lebih 50 orang ahli-ahli BISTARI bertempat di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pada Jumaat lepas.

Awang Majid, Ahli Kimiahayat Kanan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkata penyalahgunaan dadah hari ini merupakan masalah sosial yang serius mengancam kesihatan manusia merata-rata dunia.

Menurut beliau, penyalahgunaan dadah yang sengaja bagi tujuan selain daripada yang sepatutnya iaitu bagi dadah terkawal boleh membawa kepada kerosakan jasmani, psikoloji, emosi, sosial dan juga boleh membawa kematian.

Memandangkan risiko yang didapati dari kesan tersebut, beliau menyeru ibu bapa supaya memberikan perhatian dalam mengawal anak-anak dengan memberikan teladan serta nasihat di samping mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai dengan dadah, gejala-gejala dan bahayanya dan bekerjasama dengan kempen membasmi penyalahgunaan dadah.

Untuk mengenal seseorang itu terlibat, tambah beliau di antaranya terdapat perubahan yang mendadak dalam kedatangan sekolah atau waktu kerja, sering meminjam atau meminta wang dari ibu bapa atau kawan-kawan, bergaul dengan penagih yang dikenali, mencuri barang-barang kecil dari rumah atau sekolah dan memakai kaca mata hitam pada masa yang tidak sesuai.

"Jika tabiat tersebut ada pada anak-anak awda atau awda mensyaki anak-anak awda terlibat hendaklah meminta bantuan dari orang profesional atau dibawa berjumpa doktor," kata beliau.

Menurut dari keterangan yang diberikan dari penagih sendiri iaitu mengapa mereka menggunakan dadah, terang Awang Abdul Majid di antaranya kerana kebosanan, perasaan ingin tahu, tidak berupaya mengatasi masalah dan ingin melarikan diri dari kenyataan.

Seterusnya menurut beliau hukuman yang dijalankan kepada yang bersalah menurut undang-undang di Singapura bagi mengedar atau mengimport heroin dikenakan penjara lima tahun dan dirotan 5 kali atau hukuman mati apabila jumlahnya melebihi 15 gram (lebih kurang 3 keping duit syiling dua puluh sen).

Hukuman bagi yang didapati bersalah mengedar atau mengimport kanabis akan dipenjara tiga tahun dan dirotan tiga kali atau 30 tahun penjara dan dirotan 15 kali.

Manakala di Brunei kepada yang terlibat dalam kesalahan ini akan dikenakan denda sebanyak $1,000 ataupun lebih, tambah beliau.

Di akhir majlis ahli-ahli BISTARI berkesempatan menyaksikan postar-postar dari kempen yang telah dijalankan di Singapura.



SEBAHAGIAN dari ahli BISTARI yang menghadiri ceramah tersebut.

# Bahaya penyalahgunaan dadah dan kesannya

GADONG. — Bahaya penyalahgunaan dadah, kesan-kesan yang dialami oleh penagih dadah, serta jenis-jenis dadah, telah diterangkan kepada serombongan ahli-ahli Persatuan Pandang Dengar Sekolah Inggeris Berakas oleh dua orang Inspektor dari Cawangan Anti Narkotik, ketika mereka melawat Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei pada hari Khamis lalu.

Selain daripada menerangkan bahaya dan kesan dadah, para pelawat juga diperlihatkan beberapa contoh-contoh dadah termasuk menayangkan filem-filem slide mengenai penanaman dadah serta keadaan orang yang menderita akibat penyalahgunaan dadah.

Soal-jawab mengenai dadah dari pelawat tersebut serta keadaan dan reaksi seseorang yang mengidap penagihan dadah serta hukumannya telah diterangkan kepada pelajar-pelajar tersebut.

Pelajar-pelajar yang mengadakan lawatan ke Pusat Latihan pada hari itu telah diberitahu bagaimana cara-cara dadah diseludupkan oleh pengedar-pengedar dadah selain daripada keistimewaan yang mereka terima daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan.

Pegawai tersebut menerangkan bahawa kawasan Golden Triangle yang bersempadankan Negeri Thai, Burma dan Laos adalah merupakan pusat terbesar pengeluaran dadah serta ianya dilengkapi pula dengan kilang-kilang memproses di samping mempunyai pengawal sendiri. Sejak dulu lagi hingga sekarang berbagai usaha telah dijalankan oleh pihak berkuasa dari negara-negara tersebut untuk membasmi kegiatan mereka namun semuanya belum menampakkan sebarang hasil.

Terdahulu dari itu, rombongan yang mengandungi 26 orang penuntut dengan ditemani oleh dua orang guru yang diketuai oleh Pengiran Chuchu bin Pengiran Haji Wahab telah mendengar taklimat tentang sejarah penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei dan pentadbirannya dari Ketua Jurulatih Kursus Rendah Inspektor Othman bin Haji Tahir.

# Ketetapan harga kereta BMW, Mercedes Benz dan Mitsubishi

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga kereta BMW; Mercedes Benz dan Mitsubishi masing-masing dari 'Performance Company Limited" dan Borneo Carriage & Trading Company Limited" yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga seperti berikut: —

## PERFORMANCE COMPANY LIMITED

| Jenis Kereta | Harga Jualan | Harga Jualan Penuh |
|---|---|---|
| BMW<br>Model: 525iA 4 DOORS<br>Aircondition; Blaupunkt<br>Radio/Cassette;<br>Power Steering; Sport Rims;<br>Green Tinted Glass; Rear<br>Spoiler; Front Headrest;<br>5 Seatbelts; Ele Central<br>Locking; Ele Side Mirrors. | $47,450.00 | $49,422.00 |
| BMW<br>Model: 520iA<br>Aircondition: Blaupunkt<br>Radio/Cassette;<br>Power Steering; Electric<br>Side Mirror; Electric<br>Central Locking; Electric<br>Window; Front & Rear Seatbelt<br>Sport Rims; Green Tinted<br>Glass; Front Headrests. | $46,800.00 | $48,730.00 |
| BMW<br>Model: 528iA<br>Aircondition: Blaupunkt<br>Radio/Cassette<br>Power Steering: Electric<br>Side Mirror; Electric<br>Central Locking; Electric<br>Window; Front & Rear Seatbelt;<br>Sport Rims; Green Tinted<br>Glass; Front Headrests. | $53,450.00 | $55,626.00 |

## BORNEO CARRIAGE & TRADING COMPANY LTD:—

| Jenis Kereta | Harga Jualan | Harga Jualan Penuh |
|---|---|---|
| MERCEDES BENZ<br>Model: 190 E (1900 c.c.)<br>Aircondition: Power<br>Steering: Master Locking<br>System; electrically<br>operated windows and tinted glass with demister | $48,700.00 | $50,700.00 |
| MERCEDES BENZ<br>Model: 380 SEL (3800 c.c.)<br>Aircondition: Complete with<br>Automatic Transmission;<br>Electrically Operated Windows<br>and Tinted Glass with Demister | $85,000.00 | $88,276.00 |
| MISUBISHI LANCER<br>1200GL (Non A/C)<br>Model: A 155 ABUR | $9,550.00 | $10,119.00 |
| MITSUBISHI LANCER<br>1300 GL (Non A/C).<br>Model: C IIASNDR. | $12,100.00 | $12,671.00 |
| MITSUBISHI TREDIA 1400 GLX (Manual)<br>Model: A211 ABUR (Non A/cond)<br>Radio; Seat Belts; Digital Clock;<br>Super Shift (Four speed x 2) etc. | $10,700.00 | $11,299.00 |
| MITSUBISHI TREDIA 1600 GLS (Manual)<br>Model: A211 ABUR (Non A/Cond)<br>Power Window; Power Steering;<br>Blower; RPM Meter; Seat Belts;<br>Radio; Digital Clock; Super<br>Shift (Four speed x 2) etc. | $11,760.00 | 12,413.00 |
| MITSUBISHI TREDIA 1600 GLS (Auto)<br>Model: A212 AKUR (1600 c.c)<br>Power Window; Power Steering;<br>Radio; Digital Clock; Headrest,<br>Seat Belts etc. | $12,950.00 | $13,659.00 |
| MITSUBISHI CORDIA<br>Model: A212 AMBUR GSL COUPE — A/C. | $12,630.00 | $13,259.00 |
| MITSUBISHI CORDIA<br>GSL (AUTO)<br>Model: A212 AMKUR<br>Aircondition. | $15,500.00 | $16,181.00 |
| MITSUBISHI GALANT SALOON<br>Model: EIIASNHR (1600 c.c)<br>Aircondition | 15,850.00 | $16,557.00 |
| MITSUBISHI GALANT SALOON<br>Model: E12ASNHR (1800 c.c)Aircondition | $16,700.00 | $17,463.00 |
| MITSUBISHI GALANT<br>2000 SUPER SALOON (MANUAL)<br>Model: E15 ASRXR<br>Aircondition | $19,200.00 | $20,020.00 |
| MITSUBISHI STARION 2000<br>Model: A 183 AMNSR6 (2000 c.c)<br>Aircondition; Limited Slip<br>Differential; Side Mirror, 205/70<br>VR 14 Tyres etc. | $23,350.00 | $24,398.00 |
| MITSUBISHI STARION 2000 EX<br>Model: A 183 AMNGR 6 (2000 c.c)<br>Aircondition, Limited Slip<br>Differential; Side Mirror;<br>Power Steering; Alloy Wheel 205/70<br>VR Tyres etc. | $25,100.00 | $26,206.00 |

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan nombor telefon 25555 Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang kereta mereka beli itu berlainan dari harga-harga kereta yang telah ditetapkan di atas.

# GAMBAR-GAMBAR LAWA








GAMBAR kiri, Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bersalaman dengan Presiden Soeharto sementara Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang turun dari tangga kapal terbang khas di Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma. Gambar atas, Baginda Sultan dengan didampingi oleh Bapak Presiden Soeharto sempurna memeriksa barisan kehormatan.

Gambar bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berdua berbual mesra ketika membuat kunjungan kehormat kepada Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto di Istana Merdeka. Gambar bawah pula dengan didampingi oleh Bapak Presiden dan Ibu Tien, Baginda berdua dihantar dengan berjalan kaki ke Wisma Negara tempat penginapan Diraja.

**Gambar oleh: Ak Bahar PHO**















GAMBAR atas Baginda Sultan dengan diiringi oleh pegawai-pegawai tinggi AKABRI ketika keberangkatan tiba melawat kompleks AKABRI di Magelang. Gambar kiri, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.A.M. Pengiran Bini Ruhaizah dan D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah bersalaman dengan para isteri dan pegawai tinggi setempat ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Adisucipto, Jogjakarta. Keberangkatan tiba Baginda Sultan dan Baginda Raja Isteri di Puri Paku Alaman disambut oleh Wakil Gabenor Kepala Daerah Istimewa Jogjakarta Paduka Sri Paku Alam VIII ketika jamuan makan malam.

# AN NEGARA KE REPUBLIK INDONESIA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan berbual mesra dengan Bapak Presiden Soeharto ketika diadakan perbicaraan di Ruang Japara, Istana Merdeka.



GAMBAR atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika melafazkan titah balas di Jamuan Santap Malam Kenegaraan di Istana Negara.

Gambar kiri, Baginda Sultan dan Bapak Wakil Presiden Umar Wirahadikusumah memerhatikan cenderamata. Gambar bawah kiri Baginda berkenan menanam pohon kenang-kenangan di AKABRI. Dan gambar bawah Baginda berkenan menerima cenderamata potret Baginda yang dihasilkan oleh Basuki Abdullah ketika kunjungan ke Balaikota DKI Jakarta.







GAMBAR atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta rombongan sempat merakamkan gambar ramai ketika kunjungan ke Candi Borobudur. Gambar bawah Baginda Raja Isteri berbual mesra dengan Ibu Umar Wirahadikusumah ketika menerima mengadap Bapak Wakil Presiden di Wisma Negara. Gambar kanan, Baginda Sultan meletakkan kalungan bunga ketika berangkat ke Taman Makam Pahlawan Nasional Kalibata.







# FIKIRKAN SESUATU MENURUT PERTIMBANGAN BANGSA SENDIRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebagai bangsa yang telah merdeka dan mempunyai kebudayaan tulen sudah tiba masanya memikirkan sesuatu menurut pertimbangan orang-orang Brunei yang disesuaikan dengan pendapat bangsa sendiri.

Sebab itu kebudayaan sendiri perlu dikaji sedalam-dalamnya dan dipelajari secara terperinci supaya kita dapat mengetahui selok-beloknya agar bahan-bahan kebudayaan yang telah dipusakai itu dapat digunakan dan dijadikan hiasan kepada bangsa sendiri.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, berkata demikian ketika menyampaikan ceramah beliau yang bertajuk 'Adat Resam Orang Brunei' kepada lapan orang Pegawai-Pegawai dari Unit Penuntut di London dan Unit Penuntut di Singapura bertempat di Bilik Persidangan Pusat Sejarah di sini pada petang Rabu lepas.

Yang Dimuliakan Pehin menyatakan oleh kerana kebudayaan itu sangat penting kepada sesuatu bangsa sebagai keindahan bangsa itu, maka perlulah dikaji selok-belok kebudayaan itu agar mengetahui maksud dan nilainya untuk dijadikan perhiasan kepada bangsa sendiri.

**Menurut Yang Dimuliakan Pehin setiap bangsa di dunia ini mempunyai kebudayaan sendiri yang timbul bersama-sama dengan bangsa itu yang dijadikan sukat-sukat penilaian terhadap mutu bangsa itu kerana sesuatu kebudayaan tercipta berasaskan perkara-perkara yang ditempuh oleh bangsa itu mengikut peredaran masa dan zaman.**

**Kalau sesuatu bangsa itu kaya dengan kebudayaannya bermakna ianya telah banyak menempuh pengalaman hidup dan berperaturan, kerana semakin banyak perkara-perkara yang ditempuh oleh bangsa itu semakin luas pula bidang kebudayaan menjadi pusakanya.**

Dengan ini juga dapat diketahui bahawa sesuatu bangsa yang kebudayaannya tidak terkenal adalah bangsa yang tidak menghiraukan dan mengambil perhatian berat terhadap perkara-perakara yang dilaluinya yang patut dicapai oleh mereka.

Seterusnya Yang Dimuliakan Pehin memberitahu, kebudayaan yang telah dipusakai kadang-kadang menerima arus perubahan ada yang tetap berkembang dan ada yang hilang langsung berganti dengan kebudayaan orang lain terutama kalau mutunya tidak sanggup menghadapi pengaruh-pengaruh kebudayaan yang meresapinya, tetapi bagi kebudayaan yang kukuh, bermutu dan tahan menghadapi pelbagai cabaran, keperibadian kebudayaan itu akan terus hidup diamalkan oleh bangsa itu.

Semasa penjajahan bermula satu usaha untuk mengukuhkan cengkaman kuku penjajahan itu, mereka menyuruh melupakan segala kebudayaan bangsa-bangsa yang dijajah mereka dan mensifatkan kebudayaan tersebut sudah ketinggalan zaman dan tidak boleh digunakan lagi, jelas Yang Dimuliakan Pehin.

Setelah kebudayaan mereka yang dijajah itu pudar, katanya mereka pun menggantikannya dengan kebudayaan mereka dan mengajarkannya secara mendalam sehingga bangsa yang dijajah kehilangan kebudayaan tulen mereka.

Yang Dimuliakan Pehin menembah, hidup ini memerlukan kebudayaan maka yang miskin dari segi kebudayaan terpaksalah meminjam kebudayaan orang lain, dengan sebab itu bangsa dan negara yang telah terjajah akan kehilangan kebudayaannya dan sukar untuk menghidupkan bangsanya kerana kebudayaan mereka telah hilang dan tidak dapat dijadikan asas pembangunan bangsa. Syukur Alhamdulillah, katanya lagi, kebudayaan Bangsa Brunei yang telah dicipta oleh datuk nenek kita telah dapat dipertahankan dan berupaya menggambarkan peribadi bangsa sendiri yang telah hidup selama ini.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

# Bot kecil dan perahu tambang hendaklah mempunyai lesen

**Oleh: Hanizah Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Laut, Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim mengingatkan kepada orang ramai terutama sekali pemilik kapal dan bot-bot tambang yang digunakan dipersekitaran perairan negara ini, supaya mendaftarkan dan melesenkan kenderaan tersebut di Jabatan Laut secepat mungkin.

Langkah sedemikian ini memang tidak dapat disangkalkan lagi kerana sebahagian daripada Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982 sudah mula berkuat kuasa pada 1 September yang lalu dan mana-mana hal yang berkaitan di dalamnya akan diambil tindakan.

Beliau membuat seruan itu ketika memberikan taklimat kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei-Muara mengenai langkah-langkah permulaan mengenai dengan Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982.

Menurut beliau, kapal-kapal dan perahu-perahu kecil yang dikehendaki berdaftar atau berlesen di sini, iaitu yang dimiliki oleh orang Brunei atau syarikat yang ada di negara ini yang muatannya lebih 15 tan. Sementara kurang dari itu hanya dikehendaki mempunyai lesen.



PEMANGKU Pengarah Laut, Awang Haji Ahmad ketika memberikan taklimat.

"Kapal-kapal yang tidak berdaftar sekali pun pemiliknya orang Brunei adalah tidak dibenarkan berniaga di persekitaran laut Brunei dan dianggap kapal asing." kata beliau.

Besar kemungkinan dua lesen akan digunakan iaitu 'Lesen Kegunaan Sendiri' dan 'Lesen Berniaga' di mana tambah beliau lesen kegunaan sendiri itu tidak dibenarkan untuk kegunaan berniaga.

Beliau seterusnya menambah, kepada mereka yang tidak mengikut peraturan 94 sama ada mereka itu berlesen atau pun berdaftar akan dikenakan denda sebanyak $2,000 dan kapal tersebut akan ditahan.

Awang Haji Ahmad menjelaskan bahawa langkah-langkah melesenkan kapal-kapal bermotor dan menguatkuasakan Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982 itu adalah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Laut bagi mengadakan langkah keselamatan terhadap sistem pengangkutan laut di perairan negara ini.

Taklimat yang diadakan di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill itu dihadiri oleh kira-kira 60 orang Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Brunei-Muara.

Majlis taklimat yang sama juga telah diadakan pada 20 Oktober di Pusat Belia khusus bagi pemilik-pemilik kapal bermotor dan perahu-perahu penambang.



GAMBAR atas kelihatan sebahagian dari pemilik-pemilik bot bermotor dan perahu-perahu tambang yang menghadiri Taklimat di Pusat Belia.

# Mesyuarat Agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam Mesyuarat Agung kali ke-7 Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan Brunei Dengan Tanggungan Berhad yang telah diadakan bulan lepas bertempat di Bilik Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill di sini, telah membincangkan berhubung dengan sebuah tempat berniaga yang disewa syarikat tersebut di Unit 22 Bangunan Letak Kereta Bertingkat di samping meluluskan lantikan ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir 1984 — 85.

**Syarikat ini dijangka akan memulakan perniagaan mereka pada bulan November depan di mana Setiausaha Agung, Awang Ali Hassan bin Abas menyeru kepada semua ahli-ahli dan orang ramai agar memberikan kerjasama dalam menjayakan syarikat itu nanti.**

**Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan di Daerah Brunei dan Muara yang ingin menjadi ahli syarikat bolehlah menghubungi Setiausaha Agungnya, Awang Ali Hassan bin Abas, Bahagian Filem Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Berakas Garison; Penolong Setiausaha Satu, Pengiran Shahbuddin bin Pengiran Ahmad, Pejabat Pelajaran dan Awang Haji Abdullah bin Jaffar, Pejabat Penerangan.**

**Berikut ialah Jawatankuasa Tadbir 1984 — 85, Pengerusi ialah Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Abd Latif, Setiausaha Agung, Awang Ali Hassan bin Abas, Bendahari, Awang Maarof bin Haji Mohamad Yakub, sementara ahli-ahli terdiri daripada Pengiran Jambol bin Pengiran Haji Sulaiman, Pengiran Shahbuddin bin Pengiran Ahmad, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd Wahab, Awang Haji Abdullah bin Jaffar, Awang Haji Abu Bakar bin Mumin, Awang Haji Puteh bin Jukin, Pengiran Abd Rahman bin Pengiran Haji Omar, Awang Mohd Salleh bin Ahmad, Awang Abd Rahman bin Md Hussin dan Awang Mumin bin Ahmad.**

Pemeriksa Kira-kira terdiri daripada Haji Abu Bakar bin Haji Ishak, Awang Zainuddin bin Hassan, Haji Ismail bin Ibrahim dan Awang Mohammad bin Kassim.

# Majlis Kesyukuran PERTIWI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERTIWI Brunei sekali lagi tahun ini menganjurkan Majlis Kesyukuran bagi ahli-ahlinya yang menunaikan fardu haji baru-baru ini, yang juga diselajurkan dengan Sambutan awal tahun Hijrah 1405.

Selain dari mengucap syukur ke atas kepulangan ahli-ahlinya yang selamat menunaikan fardu haji dan juga sempena awal tahun Hijrah 1405, perhimpunan petang Jumaat lalu itu juga bertujuan bagi mempereratkan lagi silaturahim yang muhibah antara ahli-ahli persatuan.

Dayang Zaleha binti Haji Mohiddin, selaku Pengerusi Majlis itu berkata, perhimpunan itu juga diharapkan akan memberi peluang kepada ahli-ahli PERTIWI untuk berkumpul, bermesra dan bertukar-tukar fikiran antara mereka semata-mata ke arah kemajuan wanita dan ibu-ibu Islam.

Antara acara dalam majlis tersebut ialah syarahan khas mengenai peranan wanita Islam dalam mempertahankan ugama dan Ibadat Haji, yang telah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Ustazah Aishah binti O.K. Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof. Terdahulu dari itu ialah bacaan Al-Quran oleh Dayang Hajjah Aminah bte Siling.

**Zikir beramai telah dipersembahkan oleh ahli-ahli persatuan tersebut, yang kemudiannya disusuli dengan upacara menepung tawar ahli-ahlinya yang menunaikan fardu haji dengan didahului oleh Yang Dipertua Persatuan PERTIWI, Datin Hajjah Zahrah binti Haji Idris.**

# Lawatan wakil dagang Australia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan wakil perdagangan Australia telah mengadakan lawatan singkat ke negara ini dalam rangka lawatan negara-negara Asia Tenggara.

Rombongan yang diketuai oleh Menteri Perumahan dan Pembinaan Australia, YB Awang C.J. Hurford dan isteri beliau telah berada di negara ini selama empat hari dari 20 hingga 23 Oktober lepas, juga turut disertai oleh 14 orang wakil-wakil kerajaan dan swasta dari industri pembinaan.

Adalah difahamkan lawatan rombongan tersebut antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada bakal-bakal pelanggan dan kerajaan serantau dapat mengetahui lebih banyak mengenai dengan keupayaan-keupayaan industri pembinaan Australia dan untuk meninjau skop mengadakan kerjasama dua belah pihak yang berguna di antara industri-industri di Australia.

# rtb/ intisari minggu ini



SEJARAH Cinta dan Kesetiaan dua di antara lagu-lagu dendangan dari Kumpulan Bubbles yang mana menjadi pilihan peserta rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar bagi keluaran minggu ini iaitu Dayang Madinah bte Haji Kadir di alamat No. 36 Kampong Saba Laut, Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Dayang Madinah (atas) akan bersama awda semua pada hari Selasa 6 November jam 4.00 petang.

*Radio minggu ini:*

# RADIO BERGERAK BERSAMA MASYARAKAT

RADIO kita adalah untuk masyarakat. Dan apa yang bergolak di kalangan masyarakat kita, itulah juga yang tersiar melalui radio. Dalam kata lain, radio kita adalah mencerminkan masyarakat sekeliling. Rata-rata bolehlah dikatakan keseluruhan stesen radio di dunia didirikan adalah bertujuan untuk membuat penghebahan yang khusus untuk kebaikan menyebarkan keamanan dan juga keselamatan. Begitulah di antara lainnya yang terkandung dalam motto beberapa stesen penyiaran dunia.

Tanpa diragukan lagi siaran radio adalah juga sebagai perintis jalan, tenaga pengajar ke jalan pembangunan dan kemajuan. Tanggungjawab yang besar itu pula bukanlah hanya untuk semusim dua, tapi ianya akan terus bergolak mengikut kehendak dan keadaan aliran masa.

Kerana itulah siaran Radio Brunei sekarang lebih berbau dan mirip kepada kemajuan negara. Dalam erti kata lain, radio telah dan sedang memperkemaskan lagi siarannya sesuai dengan peredaran masa lebih-lebih lagi dalam suasana negara kita sudah menggenggam kemerdekaan dalam tangan sendiri. Sejak keadaan negara kita baru merancangkan pembangunan lagi, radio sudah menolehkan pandangannya ke arah yang sama hinggalah ke hari ini di mana pembangunan yang dimaksudkan itu masih lagi belum mencapai hujungnya.

Rata-rata rancangan-rancangan radio yang dikeudarakan setiap hari adalah bertujuan asal untuk pembangunan juga, untuk pembangunan mental umpamanya ataupun untuk memberi pengajaran / kesedaran pada masyarakat luar bandar yang perlukan bimbingan dalam memajukan perusahaan mereka selaras dengan zaman yang serba maju.

Rancangan radio yang berbau kemajuan ini tidaklah semestinya rancangan-rancangan yang berbentuk dokumentari ataupun majalah. Malahan ianya bolehlah diselitkan sebagai penarikan ataupun seterusnya sebagai puncak dalam sesuatu penulisan drama atau dibentuk dalam ucapan-ucapan untuk disiarkan dalam ruangan lagu-lagu permintaan, mahupun dalam lain-lain rancangan, di mana ruangan untuk menyalurkan unsur-unsur pembangunan akan sentiasa dialu-alukan.

Kepada peminat-peminat radio, kami pohonkan kerjasama agar dapatlah juga kiranya awda turut memutar-mutar otak sedikit bersama orang-orang radio dalam mencuba untuk mencapai apa yang sudah sekian lama radio harapkan dan inginkan. Berilah kerjasama awda agar kemajuan yang sama-sama kita kecapi selama ini akan bertambah maju lagi kalaupun tidak sederas pergerakan 'bullet-train', sekadar lari 60 batu satu jam pun sudah memadai, asal saja matlamat yang dituju itu akan dapat dicapai dengan selamatnya.

## Sandiwara radio minggu ini:

# *HATIKU TIADA TERKIRA*

PENULIS A. Ratna Putra, Brunei dengan karyanya yang berjudul HATIKU TIADA TERKIRA, telah terpilih untuk mengisikan ruangan sandiwara radio minggu ini.

Penulis menampilkan watak Musdi yang baru saja memegang jawatan sebagai pengurus dalam sebuah syarikat. Ia disalah mengertikan oleh kakitangan-kakitangannya sendiri sebagai seorang yang sombong, kerana sikapnya yang tegas dalam pekerjaan hariannya. Disebalik sikapnya itu, rupa-rupanya tertanam hasrat Musdi untuk memajukan lagi syarikatnya.

Dengan perwatakannya itu, ia jadi tidak popular di kalangan pekerja syarikatnya. Seorang daripadanya yang ternyata ingin melihat kejatuhannya ialah Osman. Kerana niat jahatnya itu, ia berusaha sedaya upayanya untuk mempengaruhi Tini, setiausaha Musdi sendiri untuk memikat hati Musdi.

Tini yang lekas masuk hasutan itu sanggup bekerja keras tanpa memilih waktu. Ini adalah semata-mata untuk menarik perhatian Musdi seperti apa yang dihasratkan oleh Osman. Tanpa mengetahui tujuan Tini yang sebenar, Musdi pun menaikkan pangkatnya sebagai ekoran dari kerajinannya itu.

Dalam menjalankan jarum jahatnya, Osman tidak hanya menumpukan perbuatannya di pejabat mereka, malah hingga membawa ke dalam rumahtangga Musdi. Di hadapan isteri Musdi, ia memberitahu yang Musdi telah bermain kayu tiga di luar rumah bersama Tini. Pada Tini pula ia membuat pengakuan yang Musdi adalah seorang lelaki yang belum mempunyai tanggungjawab berumahtangga.

Tentu saja tindakan Osman itu menyebabkan kekeliruan pada mereka yang terlibat. Apakah motif sebenar perbuatan Osman itu? Ikutilah siaran sandiwara radio minggu ini pada hari Ahad 4 November, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Salmah Haji Abd Rahman.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 31 Oktober hingga 6 November 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 31.10.1984 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 31.10.1984 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 31.10.1984 | Rabu | 11.30–12.00 t/hari |
| Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang | 1.11.1984 | Khamis | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 1.11.1984 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yussof Katimahar | 3.11.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 3.11.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 3.11.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 t/hari |
| Sekolah Melayu Birau | 3.11.1984 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 3.11.1984 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 3.11.1984 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing | 5.11.1984 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | 5.11.1984 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 6.11.1984 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas | 6.11.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 6.11.1984 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 6.11.1984 | Selasa | 3.30– 4.00 ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong. | 6.11.1984 | Selasa | 4.30– 5.30 ,, |

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 31 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
5.00 INSPECTOR GADGET
5.30 DIFFERENT STROKES
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "Passing Chance"
Ketika berada di Greece Jonathan dan Jennifer terpaksa menyelamatkan nyawa mereka dan masa depan Hart Industries apabila seorang peniaga kaya Eropah cuba memusnahkan mereka dalam satu perlumbaan kereta.
7.23 AZAN ISYAK
7.27 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MAGGIE BRIGGS: "The New Leaf"
9.35 THE MISSISSIPPI: "Crisis Of Identity"
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "The Reivers"
Tahun 1905. Kisah pengenalan seorang anak lelaki 11 tahun ke dunia kedewasaan. Bersama dua orang pekerja ayahnya, dia pergi ke Memphis dari sebuah bandar kecil untuk berhibur di sebuah bandar besar.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 1 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
5.50 AGAINST THE ODDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 WONDERS OF THE WORLD: "Inside The Kremlin"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAUMA CENTER: "Turnabout"
7.21 AZAN ISYAK
7.25 TRAUMA CENTER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAII FIVE O: "For Old Time Sake"
10.35 MAN ABOUT THE HOUSE: "Cuckoo In The Nest"
Larry, kawan Robin ingin bertapak di tempat kediaman mereka bertiga. Problem bertambah. Mr & Mrs Roper dengan problem mereka sendiri.
11.05 POT BLACK 1983
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 2 NOVEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.25 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

**PETANG**

1.25 SPORTS: Tennis with Mark Cox
2.10 CRUSADER RABBIT: "The Search For The Missing Links" (Episod terakhir)
3.00 RUBIK: THE AMAZING CUBE: "Honolulu Rubik"
3.25 WEBSTER
3.28 AZAN ASAR
3.32 WEBSTER — sambungan
4.00 MILLER'S COURT
4.30 RENTAK TARI
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 EXPEDITION DANGER
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 TOWARDS 2000 — sambungan
6.30 TEKA TEPAT

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 'V' SERIES
7.21 AZAN ISYAK
7.25 'V' SERIES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA INDONESIA: "Kugapai Cahayamu" Bhg. 2
9.45 KNOTS LANDING: "Homecoming"
Gary menawarkan pekerjaan diranchnya kepada Cathy. Lilimae keluar meninggalkan Sanatorium.
10.45 REGGIE: "That's Life"
11.15 MIKE HAMMER: "Hot Ice"
12.00 PAUL ANKA: "Andy Gibb"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 3 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY: "Mystery Of The Missing Vessel"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA: "At The Edge Of The Salt Plain"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 WILD AUSTRALIA — sambungan
6.31 DOMESTIC LIFE: "The Candidates"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER: "White Line Warriors"
Michael dan K.I.T.T. dijemput ke perkampungan Vista Beach untuk menyiasat kecurian yang semakin berleluasa di sana.
7.21 AZAN ISYAK
7.25 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Kek Lapis Aiskrim, Jagung Dan Roti"
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Toyol"
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Two Rode Together"
Tahun 1880. Dua pengembara mewakili sekumpulan penduduk mencuba memasuki Comanche Camp untuk merundingkan pembebasan saudara mara mereka yang telah ditangkap beberapa tahun sebelumnya oleh suku kaum Indian.
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 4 NOVEMBER

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.10 TEETIME AND CLAUDIA



SEPERTI mungkin terdapat dalam keluarga awda — kehidupan berkeluarga dari

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Bloodlines"
7.21 AZAN ISYAK
7.25 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 RAGE OF ANGEL Bhg. 3.
10.10 CONDO: "That's Entertainment"
10.40 REILLY: ACE OF SPIES: "Shut Down" (Episod terakhir)
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 5 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 DUKES OF HAZZARD: "The Dukes Of India"
5.00 SMURFS
5.30 EXPLORE: "The Nuba of Kau"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 TEKA TEPAT — sambungan

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
6.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ARCHIE'S TV FUNNIES
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Riddle Of The Lake"
5.30 BUGS BUNNY SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA: "Nuclear Strategy For Beginners"
Bolehkah senjata nuklear mencegah Perang Dunia Ketiga atau menambahkan kemungkinannya? NOVA cuba mempaparkannya dari strategi ketenteraan di zaman nuklear ini ketika mana cagarannya sekarang ialah bukan untuk memenangi peperangan dunia tetapi untuk mengelakkannya.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 NOVA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Boom"
7.22 AZAN ISYAK
7.27 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 THE YELLOW ROSE: "Running Free"
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Escape To Victory"
12.00 SIARAN TAMAT.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 November 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

**BIL. 64/1984**

PEMBEKALAN ASBESTOS CEMENT PRESSURE PIPES TO BS: 486/1966 INCLUDING CORRESPONDING JOINTS AND RUBBER RINGS (RUBBER RINGS TO BS: 2494) CLASS 'B' BITUMEN DIPPED PIPES TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST CHIPPING AT ENDS PIPES SHOULD BE IN STANDARD LENGTH OF 4 METRES.

**BIL. 65/1984**

PEMBEKALAN MASTER LAWN MOWER MODEL M184 FITTED WITH BRIGGS AND STRATTONS 3.5HP, 4 STROKES ENGINE NO. 92902.

**BIL. 66/1984**

PEMBEKALAN VIKING JOHNSON COUPLING COMPLETE WITH RUBBER RINGS AND GALVANISED BOLTS & NUTS FOR USE WITH A.C. PIPES & FITTED WITH LOCATING PLUG FOR STANDARD STEEL PIPES BERMACAM-MACAM UKURAN.

**BIL. 67/1984**

PEMBEKALAN INSPECTION COVER AND FRAME, GRADE 'A', HEAVY DUTY, SINGLE HEAT, FLAT, SCREW-DOWN TYPE, CLEAR OPENING SIZE: 24" X 18". OVERALL SIZE: 28" X 22", 84 LBS TO BS 497/1967.

**BIL. 68/1984**

PEMBEKALAN DISINFECTANT FLUID WHITE 1 GALLON TIN OR YOUNG'S LYSOL BP 4 X 5 LITRES TIN.

**BIL. 69/1984**

PEMBEKALAN GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: 21 UNSOCKETED TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST DAMAGED.

**BIL. 70/1984**

PEMBEKALAN TYRE 7.50 X 16 — 6 PLY YOKOHAMA Y823 ATAU SEBANDING DENGANNYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pelajaran Kementerian Pelajaran dan Kesihatan

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 November, 1984.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Perkara Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau

**BIL.: JP/19/1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL ALAT-ALAT DAN KELENGKAPAN UNTUK SEKOLAH MENENGAH SERASA(II)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 3 November 1984.

Cagaran tawaran $500.00.

**BIL.: JP/20/1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL MEJA TULIS PENUNTUT (JENIS STACKABLE).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 3 November, 1984. Tarikh tutup : 5 November, 1984.

Cagaran tawaran $200.00.

**BIL.: JP/21/1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL DAN PEMASANGAN ALAT-ALAT MAKMAL BAHASA UNTUK INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH, GADONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 3 November, 1984. Tarikh tutup : 5 November, 1984.

Cagaran tawaran $200.00.

## TENDER NOTICE

## CIVIL AVIATION DEPARTMENT MINISTRY OF COMMUNICATIONS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TENDERS are invited for the supply of the following cleaning chemicals/disinfectants to the Civil Aviation Department, Negara Brunei Darussalam :

| Particulars | Estimated annual requirement |
|---|---|
| i) Floor Stripper for terazzo, vinyl, mosaic and parquet type | 80 x 10 kg. |
| ii) Floor Sealers | 120 x 10 kg. |
| iii) Floor Polish | 120 x 10 kg. |
| iv) Floor Buffing chemicals | 120 x 10 kg. |
| v) Deodorising detergent | 120 x 10 kg. |
| vi) Deodorant Cubes | 100 x 10 kg. |

2. Prices should be quoted as per 10 kg. for each item and should include delivery to the Airport Terminal Building. The tenders should also specify the date of delivery and valdity of their prices offer.
3. Successful tenderers are required to demonstrate and provide training to the cleaning staff on the correct application and effective use of their products.
4. Tenders should be placed in the Tenders Box situated outside the office of the Bangunan Kementerian Kewangan, on the 4th floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 5th November 1984.
5. Tender must be placed in plain and sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board clearly marked :

"SUPPLY OF CLEANING CHEMICALS/DISINFECTANTS TO AIRPORT TERMINAL BUILDING"

6. The Government of His Majesty Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN RUMAH-RUMAH SAKIT TAHUN 1985-1986

1. TAWARAN-tawaran untuk membekalkan bahan-bahan permakanan bagi Rumah-Rumah Sakit Bahagian Basah, Kering dan lain-lain (bagi jangka masa 22/23 bulan) akan diterima daripada Syarikat-syarikat/Pemborong-pemborong oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 19 November 1984 jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah bukan terdiri daripada pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan dan tidak bekerja di mana-mana syarikat seperti BSP, Cold Gas (LNG), RBA dan di firma yang lain.
4. Keterangan-keterangan lanjut serta borang-borang tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.
5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan serta ditulis tanda dengan terang seperti di bawah ini : —

"TAWARAN BAHAN-BAHAN PERMAKANAN DAN LAIN-LAIN UNTUK RUMAH-RUMAH SAKIT BAGI TAHUN 1985-1986"

Di luar sampul itu mestilah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan setiap tawaran yang ditulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan dikira rosak dan ditolak.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 bagi tiap-tiap satu jenis hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan wang itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya. Jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang cagaran tidak akan dikembalikan.
7. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai syarikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisikan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana tawaran atau tawaran-tawaran yang paling rendah.
9. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran : —

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Hari Isnin hingga hari Khamis | | | | |
| | — | 8.30 pagi | — | 11.30 pagi |
| | — | 2.00 petang | — | 3.00 petang |
| Hari Sabtu | — | 8.30 pagi | — | 10.00 pagi |

SENARAI JENIS-JENIS TAWARAN :

1. Rumah Sakit RIPAS, B.S.B — Barang-barang makanan Basah/Kering/Kelas Satu/Bahan-bahan Umum.
2. Rumah Sakit S.S.B., Kuala Belait — Barang-barang makanan Basah/Kering/Kelas Satu/Bahan-bahan Umum.
3. Rumah Sakit Tutong — Hidangan Masak.
4. Rumah Sakit Temburong — Hidangan Masak.

## KENYATAAN TAWARAN

### ALAT-ALAT PERKAKAS ASRAMA SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk membekalkan alat-alat yang tersebut di atas, bagi kedua-dua buah sekolah menengah yang berkenaan seperti yang dibutirkan berikut : —

| | | |
|---|---|---|
| i) Katil besi (bujang) ukuran 36" x 72" | — | 100 buah |
| ii) Tilam jenis dunlop ukuran 36" x 72" x 4" | — | 100 buah |
| iii) Bantal jenis dunlop ukuran 17" x 26" x 4" | — | 200 buah |
| iv) Kerusi — meja murid | — | 200 set |
| v) Almari pakaian | — | 150 biji |
| vi) Meja makan | — | 40 biji |
| vii) Kerusi untuk dewan makan | — | 120 biji |

2. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam peti tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 November, 1984.
3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas, tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan dalam sampul surat bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN ALAT-ALAT—PERKAKAS ASRAMA SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong dan ditujukkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, dialamatkan seperti di atas.
5. Wang cagaran tawaran berjumlah sebanyak $150.00 (Satu ratus lima puluh ringgit sahaja) hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik No. 202, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu bekerja hingga 17 November, 1984 hari Sabtu jam 3.00 petang.
6. Penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dari Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.
7. Katalog atau gambar alat-alat yang ditawarkan hendaklah disertakan bersama untuk diteliti.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

### Kerusi Meja Murid Untuk Sekolah Ugama

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 November, 1984 untuk membekalkan perkara di atas, sebanyak 1,500 pasang.

2. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas, tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan dalam sampul surat bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN KERUSI MEJA MURID UNTUK SEKOLAH UGAMA" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong.
4. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar sebanyak $100.00 (satu ratus ringgit sahaja) ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik No. 202, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu bekerja hingga 24 November, 1984 hari Sabtu jam 3.00 petang.
5. Penerangan - penerangan lanjut mengenai contoh kerusi meja yang ditawarkan bolehlah diperolehi dari Bahagian Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Tingkat Pertama Bilik No. 205.
6. Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan bersama salinan sijil atau surat kebenaran sebagai pemborong yang diiktiraf dan berdaftar di Jabatan Kerja Raya.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## Notis Tawaran Mencetak Majalah DBP

**BIL.: (1) 1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi mencetak majalah-majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1. Penentuan-penentuan (specifications) mengenai majalah-majalah ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan : TAWARAN MENCETAK MAJALAH DBP, BIL.: (1) 1984.
3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran,
d/a Bangunan Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 5 November, 1984.

4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 371 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:

PROJEK No.: 84AW/046
KERJA-KERJA SALURAN NAJIS PERINGKAT 2A — BANDAR TUTONG — MEMBEKAL DAN MEMASANG; PEMBINAAN STESEN PENGEPAM NAJIS; MEMBEKAL DAN MEMASANG (MENDIRIKAN) LOJI PENGEPAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Mohammed and Hooi, Bilik 402, Tingkat Dua, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 372 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/PEL103
MEMBINA STOR BAGI SEKOLAH MELAYU SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 373 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk

PROJEK No. : AD406/1400
PEMBINAAN SEKOLAH UGAMA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI KAMPONG PERPINDAHAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $1.000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 374 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 30 SET PERABOT KELAS III BAGI
1) 6 SET PERABOT KELAS III UNTUK (3 BLOK 2 G)
2) 24 SET PERABOT KELAS III UNTUK 24 UNIT BARIK-BARIK PASUKAN BOMBA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 375 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 30 SET PERABOT KELAS III BAGI
1) 24 UNIT BARIK
2) 6 UNIT 3 BLOK BAGI 2 UNIT PERUMAHAN KELAS G UNTUK PASUKAN BOMBA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 376 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 12 SET PERABOT KELAS III DAN 3 SET PERABOT KELAS II BAGI PERUMAHAN-PERUMAHAN PEJABAT UGAMA DI TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 377 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AR/084
BANGUNAN TEMPAT PENYIMPANAN YANG DICADANGKAN DI DEPOT J.K.R. KAMPONG BENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 378 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 36/23
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 8,000 CUBIC YARD BATU-BATU CRUSHERS-RUN BAGI CADANGAN PEMBINAAN JALAN DI KAMPONG LIMBARUH BUNTAR, SIMPANG BATU 2 JALAN SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 379 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD426/3301
PEMBINAAN 6 BLOK 12 UNIT RUMAH PANGSA UBAHSUAI KELAS "E" (RUMAH PANGSA KELAS "F" GELARAN BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI) (3 JENIS BILIK TIDUR) DI KEM ANGKATAN BERSENTAJA DIRAJA BRUNEI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 1 November, 1984.

Tarikh tutup : 5 November, 1984.
Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 380 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Pakar Kolam Berenang Tempatan dan Pakar Luar Negeri yang berkongsi dengan pemborong tempatan untuk :

PROJEK No.: 84AW/KBS004
PENGGANTIAN ALAT-ALAT FILTER DAN PEMBAHARUAN KOLAM BERENANG DI KAMPONG ANGGEREK DESA DAN PUSAT BELIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Perunding Ibrahim-Leeng, Tingkat Satu, Unit 4 & 5, Blok E, Bangunan Jefri Bolkiah, Seri Kompleks, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 November, 1984.

Tarikh tutup : 26 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 381 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL152
CADANGAN MEMBUAT PAGAR KELILING, MEREKA DAN MEMASANG SISTEM KESELAMATAN UNTUK BANGUNAN DAN MEMBUAT JAMBATAN DI SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 382 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD404/0101
CADANGAN KOMPLEKS PERUSAHAAN DI BATU 5, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 383 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
MENGATAP SEMULA, KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT ASRAMA LELAKI SEKOLAH MELAYU PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 384 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PEMBINAAN YANG SEDIA ADA PWD 1121, 1122 DAN 1123 DI SEKOLAH MELAYU MASIN, JALAN LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 385 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
PENANAMAN RUMPUT DI TANAH CURAM BAGI CADANGAN PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, (PERINGKAT II DAN III).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00.

## TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL.: PPL/147/1984

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI 4 BILIK DARJAH TAMBAHAN UNTUK SEKOLAH MELAYU PIASAU-PIASAU, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 12 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong : Internal Wiring Kelas "A" and "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

### BIL.: PPL/148/1984

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN SPLIT UNIT DI PUSAT PENGAJIAN KEHUTANAN, SUNGAI LIANG, SERIA.

Tarikh tutup : 5 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong : Internal Wiring Kelas "A", "B" "C' (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

### BIL.: PPL/153/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pembangunan yang berdaftar Kelas 'A' dan 'AX' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 3 Disember, 1984 bagi kerja-kerja berikut:—

ERECTION OF TUBULAR STEEL POLES ON RE-INFORCED CONCRETE PILES ALONG PERIMETER OF KAMPONG AYER ON BRUNEI RIVER.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Sabtu 24 November, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $500.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Tradesman Tingkat I

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TRADESMAN TINGKAT I di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji : E.1-2-3 EB.4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berusia di antara 22 dan 45 tahun.

b) Lulus Sijil City and Guilds atau Sijil Sekolah Pertukangan yang tertentu atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengannya.

c) Berpengalaman sekurang-kurangnya selama 2 tahun dalam bidang yang tertentu dan mempunyai pengalaman.

**Syarat-syarat Lain :**

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait dan Rumah Sakit Daerah Tutong tetapi mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana bahagian Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang dikehendaki. Juga bersedia untuk bertugas selepas waktu-waktu bekerja biasa dan membuat tugas-tugas panggilan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.

( Bil iklan : 218/1984 )
( E/2050/83 ).

## KANTIN SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menjalankan perkhidmatan kantin sekolah ugama yang tersebut di atas.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 November, 1984.

3. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT" tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan di alamat yang tersebut di atas.

5. Wang cagaran tawaran berjumlah sebanyak $100.00 (Seratus ringgit sahaja) hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan, Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa waktu bekerja hingga 10 November, 1984, hari Sabtu, jam 3.00 petang.

6. Penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dari Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan atau Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Belait di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

7. Pemborong-pemborong yang menghantarkan tawaran mereka hendaklah menyertakan bersama lesen kebenaran menjual barang-barang di kedai-kedai runcit atau seumpamanya.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## Kenyataan Tawaran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk "MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI PESTA SUKAN MERDEKA."

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis "MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI PESTA SUKAN MERDEKA" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari hari Isnin 5 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

3. Penawar-penawar adalah dipelawa untuk menyebutkan harga membekalkan tiap-tiap sebelai/sepasang :—

1. Jacket dan seluar.
2. Collar T/shirt untuk Pesta Sukan Merdeka officials dengan seluar panjang putih.
3. T/shirt.
4. Baju Kebaya atau Baju Kurung.
5. Tali Leher (Silk).

Butir-butir lanjut mengenai dengan pakaian ini boleh diperolehi dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Tingkat Tiga, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

4. Semua pakaian seragam hendaklah dibekalkan dengan memuaskan hati Jawatankuasa Pesta Sukan Merdeka. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dibekalkan itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran lebih dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pesta Sukan Merdeka.

5. Contoh kain bagi Baju Kebaya atau Baju Kurung dan contoh T/shirt hendaklah dihantar untuk diteliti bersama harga tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

## Department of Civil Aviation Ministry of Communications Tender Notices

1. TENDERS are invited for the Supply of Boots and Shoes for the Department of Civil Aviation, Airport Fire Service.

2. Tender should be placed in the office of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon Monday, 5th November, 1984.

3. Tenders are required to quote prices for Boots and Shoes per pair as follows : —

| | | Size | Quantity |
|---|---|---|---|
| (a) | Long Boot Leather for Fireman (Black) | 5 | 15 pairs |
| (b) | Long Boot Leather for Fireman (Black) | 6 | 16 pairs |
| (c) | Long Boot Leather for Fireman (Black) | 7 | 41 pairs |
| (d) | Long Boot Leather for Fireman (Black) | 8 | 14 pairs |
| (e) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 5 | 11 pairs |
| (f) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 5½ | 7 pairs |
| (g) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 6 | 17 pairs |
| (h) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 6½ | 6 pairs |
| (i) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 7 | 18 pairs |
| (j) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 7½ | 15 pairs |
| (k) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 8 | 11 pairs |
| (l) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 8½ | 2 pairs |
| (m) | Ankle Cuff Safety Boot Leather (Black) | 9 | 2 pairs |
| (n) | Slip-in Shoe Black Leather | 4 | 2 pairs |
| (o) | " " " " | 5 | 20 pairs |
| (p) | " " " " | 6 | 36 pairs |
| (q) | " " " " | 7 | 21 pairs |
| (r) | " " " " | 8 | 8 pairs |
| (s) | Officer Shoes Black Leather | 5 | 4 pairs |
| (t) | " " " " | 7 | 4 pairs |
| (u) | " " " " | 8 | 2 pairs |

4. All Boots and Shoes must be supplied within a reasonable time and to the satisfaction of the Chief Fire Officer, Department of Civil Aviation, Brunei International Airport.

5. Tenderers are asked to submit the samples or catalogues of Boots and Shoes to the Chief Fire Officer one week after the closing date of the tender.

6. Tender must be placed in plain and sealed envelope without any indication of the name of tenderer and addressed to the Chairman, Tenders Board clearly marked :

"BOOTS AND SHOES FOR AIRPORT FIREMAN."

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TAILORING AND SUPPLY OF MATERIAL FOR AIRPORT FIRE SERVICE UNIFORMS

**TENDERS should be placed in the office of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon Monday, 5th November, 1984.**

**1. Tailoring and Supply of Teklon Twill Navy Lightweight Dungaree Uniform complete with 18-inch Splitzip Fastner.**

**Dungaree Uniform Long Sleeve with Trousers**

**$ .................. per Uniform.**

**2. Tailoring and Supply of Uniforms Blue Decron Material Officer Uniform short sleeve Bush Jacket Style complete with epaulette and trousers**

**$ .................. per Uniform.**

**Fireman Uniform short sleeve Bush Jacket Style complete with trousers**

**$ .................. per Uniform.**

3. All Uniforms must be tailored within reasonable time and to the satisfaction of the Chief Fire Officer, Department of Civil Aviation. If the Uniforms are not tailored to his satisfaction they may be returned to the Contractor to make the necessary improvements without extra charge.

4. Details of Uniforms and materials can be obtained from the Stores Officers, Department of Civil Aviation, Airport Fire Service, International Airport, Negara Brunei Darussalam.

5. The period of Contract will be for two years commencing 1st January, 1985. The contract may be terminated by either party giving one month notice in writing.

6. Tenders must be placed in plain and sealed envelope without any indication of the name of the tenderer and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked :

TAILORING FOR AIRPORT FIRE SERVICE UNIFORMS.

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Tender Notice Royal Brunei Police Force

No. 25/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 19th November, 1984.

SUPPLY OF RAINCOATS

2. Tender documents can be obtained from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.

3. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF RAINCOATS."

4. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Welfare, Youth and Sports Department Negara Brunei Darussalam Tender Notice

TENDERS are invited to "SUPPLY UNIFORMS FOR MERDEKA GAMES."

2. Tenders are to be put in a sealed envelope and marked "SUPPLY OF UNIFORMS FOR MERDEKA GAMES" and placed in the Tenders Board situated at the Ministry of Finance Building, Fourth Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than noon on Monday 5 November, 1984.

3. Tenderers are required to state the price for each suit.

1. Jacket and trousers.
2. Collared T-Shirt for Merdeka Games Officials and White Long Trousers.
3. T-Shirt.
4. Baju Kebaya or Baju Kurung.
5. Tie (Silk).

Further information regarding the uniforms can be obtained from the Department of Welfare, Youth and Sports, Third Floor, Old Airport, Berakas.

4. All uniforms are to be supplied in good condition and approved by the Merdeka Games Committee. If it is not approved, all uniforms will be returned to the suppliers concerned and they are required to exchange them to new ones without any extra charges, within the period fixed by the Merdeka Games Committee.

5. A sample of the material for the Baju Kebaya or Baju Kurung and a sample of the T-Shirt should be sent together with the prices.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Tender Notices Telecommunications Department

### SUPPLY OF UPVC PIPE AND FITTINGS

1. TENDERS are invited from manufacturers of UPVC pipes fittings for the supply of UPVC and fittings for Telecommunications ducts.

2. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 12th November, 1984.

3. Tender conditions require that a sample of each item be delivered to Telecom's Store, Bandar Seri Begawan, on/or before the closing date for tenders, as an essential and inseperable part of the tender. Any bids received without all required samples will be invalid and shall be rejected.

**4. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecom, 1st Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of a deposit of $500 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.**

### SUPPLY OF FACSIMILE TRANSCEIVER

TENDERS are invited for the supply of Facsimile Transceiver.

2. Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $500.00.

3. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 26th. November, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

**4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—**

**FACSIMILE TRANSCEIVER — TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.**

**5. The Government of His Majesty The Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.**

## RADIO TELEVISION BRUNEI

**Notice of Tender**

**No. RTB/24/84**

Supply and installation of Cabin of Link Room on Sixth Floor Roof of RTB.

**Conditions of Tender**

1) TENDERS should be submitted to The Chairman of the Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than twelve noon on Monday, 12th November, 1984.

2) Tenders received later than the above date shall not be considered.

3) Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer however the reference number of the tender must be clearly indicated.

4) Tender documents, and further information must be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, up to one working day prior to the closing date of this tender.

5) A tender deposit of $200 is required, and will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tenders.

6) All tenders must also quote the latest completion dates for the work and delivery. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.

7) Tenders agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.

8) The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan didampingi oleh Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto berkenan menerima perkenalan para Menteri Republik Indonesia sebelum dilangsungkan Jamuan Santap Kenegaraan di Istana Negara.

# ATURCARA LAWATAN

**Dari muka 1**

tabik hormat. Sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan.

Selesai upacara di lapangan terbang rombongan Diraja beredar menuju Istana Merdeka dengan disertai oleh Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto untuk kunjungan kehormat kepada Bapak Presiden dan Ibu Tien. Di sepanjang jalan berhadapan Istana Merdeka sebilangan penuntut sekolah mengibarkan bendera kedua negara mengalu-alukan keberangkatan tiba Baginda berdua.

Di Istana Merdeka keberangkatan tiba Baginda berdua disambut oleh Kepala Rumah Tangga Kepersidenan dan isteri Ibu Sampurno yang kemudiannya rombongan Diraja diperkenalkan kepada Bapak Presiden dan Ibu Tien di Ruang Credential dan seterusnya kunjungan kehormat di Ruang Japara.

Dari Istana Merdeka sebaik selesai kunjungan kehormat dengan didampingi oleh Bapak Presiden dan Ibu Tien, Baginda berdua dan rombongan beredar ke Wisma Negara untuk dihantar ke tempat penginapan Diraja dengan berjalan kaki.

Kira-kira pukul 3 petang waktu Indonesia hari itu, Baginda berdua berkenan menerima mengadap Bapak Wakil Presiden dan Ibu Umar Wirahadikusumah yang berakhir dengan pertukaran cenderamata.

Acara lawatan seterusnya ialah keberangkatan ke Balaikota Daerah Khusus Ibukota Jakarta yang disambut oleh Gabenor Kepala Daerah Ibukota Jakarta dan isteri Nyonya R. Soeprapto dan Ketua DPRD DKI dan isteri Nyonya Soedarsono. Di Balaikota Baginda berdua dan rombongan disambut penuh kemeriahan yang berupa permainan kebudayaan masyarakat Indonesia.

Pada sebelah malam pula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berdua dan rombongan telah dirai dalam Jamuan Santap Malam Kenegaraan bertempat di Istana Negara yang diberikan oleh Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto. Kedua ketua negara, Baginda Raja Isteri dan Ibu Tien telah bertukar-tukar cenderamata. Selesai santap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melafazkan titah balas dari ucapan Bapak Presiden Soeharto.

Terdahulu dari itu, Bapak Presiden telah menyembahkan kepada Baginda Sultan 'Bintang Republik Indonesia Adipurna' dan kepada Baginda Raja Isteri 'Bintang Mahaputra Adipurna'. Dan sebaliknya Bapak Presiden dan Ibu Tien telah dikurniakan 'Bintang Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati' oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Di hari kedua lawatan Baginda berdua ialah keberangkatan Baginda Sultan ke Taman Makam Pahlawan Nasional Kalibata di mana Baginda berkenan meletakkan karangan bunga dan menghening cipta kepada arwah pahlawan.

Sementara itu dalam aturcara yang berasingan Baginda Raja Isteri dengan didampingi oleh Ibu Mokhtar Kusumaatmadja meninggalkan Wisma Negara berangkat menuju ke Taman Mini Indonesia Indah. Di sana Baginda Raja Isteri sempat mengadakan kunjungan ke Muzium Indonesia dan Taman Burung serta menanam pohon kenangan di halaman 'Keong Mas'.

Dalam pada itu, selesai mengadakan kunjungan ke Taman Makam Pahlawan nasional Kalibata, di Istana Merdeka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengadakan perbicaraan empat mata dengan Bapak Presiden Soeharto. Sementara itu perbicaraan paralel antara kelompok politik dan ekonomi juga dilangsungkan di ruangan yang berasingan.

Di hari ketiga, 24 Oktober Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mengadakan kunjungan perpisahan di Istana Merdeka dengan Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto untuk acara lawatan seterusnya ke Jogjakarta kira-kira jam 8.30 pagi.

Sebelum meninggalkan Jakarta, Baginda berdua dengan didampingi oleh Bapak Presiden dan Ibu Tien Soeharto sekali lagi berada di Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma untuk upacara perpisahan. Baginda Sultan dengan didampingi oleh Bapak Presiden berkenan memeriksa barisan kehormatan dan menerima tabik hormat. Lagu Kebangsaan kedua negara diperdengarkan dengan diikuti oleh 21 das tembakan meriam.

Kapal terbang khas selamat mendarat di Lapangan Terbang Adisucipto Jogjakarta kira-kira pukul 10.30 pagi. Di Jogjakarta Baginda berdua disambut oleh Wakil Gabenor Kepala Daerah Istimewa Jogjakarta, Paduka Sri Paku Alam VIII serta lain-lain pembesar kerajaan setempat.

Dari Lapangan Terbang Adisucipto Baginda berdua mengadakan aturcara yang berasingan. Baginda Sultan dan sebahagian rombongan yang lainnya berangkat ke Magelang untuk mengadakan kunjungan ke Akademik Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (AKABRI). Di AKABRI Baginda Sultan dan rombongan mendengar taklimat singkat dan seterusnya berkenan menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan oleh Regimen Korps Taruna Darat. Penanaman pohon kenang-kenangan oleh Baginda Sultan dan diikuti menerima tabik hormat baris lalu di hadapan pentas Diraja. Baginda kemudiannya berangkat meninjau kompleks AKABRI dan menyaksikan pertunjukan oleh Regimen Korps Taruna Darat yang baru menjalani latihan 12 minggu. Sebelum meninggalkan AKABRI Baginda dan rombongan dijunjung untuk santap tengah hari dan berkenan menerima cenderamata.

Sementara itu untuk aturcara Baginda Raja Isteri pula ialah kunjungan meninjau naik ke bangunan Candi Borobudur dan seterusnya kunjungan ke Kraton Kesultanan Jogjakarta.

Pada sebelah malam Baginda berdua dan rombongan berkenan berangkat bercemar duli untuk jamuan malam malam yang diberikan oleh Wakil Gabenor Kepala Daerah Istimewa Jogjakarta, Paduka Sri Paku Alam VIII bertempat di Puri Paku Alaman. Jamuan makan malam tersebut telah diserikan dengan beberapa persembahan tarian.

Di hari keempat — 25 Oktober sebelum berangkat meninggalkan Jogjakarta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyaksikan pameran batik dan kerajinan tangan di Gedung Agung.

# K-sama akan ditingkatkan

**Dari muka 1**

puchea yang merdeka, berdaulat dan berkecuali.

"Berlarutannya usaha-usaha penyelesaian masalah Kampuchea memperlambatkan terwujudnya Asia Tenggara sebagai kawasan damai, bebas dan neutral (ZOPFAN)," jelas kenyataan tersebut.

Kenyataan tersebut yang dikeluarkan berikutan hasil perundingan kedua pemimpin berkenaan di Istana Merdeka, Jakarta juga menjelaskan perkembangan yang mengkhuatirkan dikawasan rantau ini, dan untuk itu mereka bersama menyatakan sokongan untuk mempertahankan perdamaian dan kestabilan kawasan Asia Tenggara serta sokongan terhadap prinsip penyelesaian setiap masalah melalui perundingan.

Kedua pemimpin jua menyatakan kebimbangan atas pergolakan yang berterusan di Timur Tengah yang diakibatkan oleh tindakan-tindakan agresif Israel.

Untuk itu juga tambah kenyataan atas pergolakan yang berterusan di Timur Tengah yang diakibatkan oleh tindakan-tindakan agresif Israel.

Untuk itu juga tambah kenyataan itu, tindakan-tindakan ketenteraan dan politik terhadap negara-negara Arab perlu dihindarkan dan mengulangi sokongan mereka terhadap kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan persatuan nasional Lubnan.

Kedua pemimpin menekankan perlunya penyelesaian segera masalah Timur Tengah secara adil dengan pengunduran tentera Isreal dari seluruh wilayah Arab yang diduduki sejak tahun 1967 dan perlaksanaan hak seluruhnya rakyat Palestin.

Terdahulu dalam kenyataan tersebut, kedua pemimpin sama-sama menyatakan penghargaan terhadap kemajuan yang dicapai oleh negara masing-masing dalam bidang sosial dan ekonomi dan sama-sama menyatakan persetujuan mereka untuk meningkatkan kerjasama yang sedia ada di masa akan datang demi kepentingan rakyat kedua negara.

Mengenai masalah antarabangsa kedua pemimpin sepakat untuk meningkatkan kerjasama kepada PBB dan pertubuhan Persidangan Islam demi untuk perkembangan negara-negara Dunia Ketiga amnya dan peningkatkan kesejahteraan rakyat kedua negara khususnya.

Menyentuh Lautan Hindi, kedua pemimpin inginkan agar kawasan berkenaan dijadikan kawasan aman damai dan menyeru diadakan suatu persidangan antarabangsa mengenainya di bawah pengawasan PBB.

Kedua ketua negara juga menyatakan puas hati atas hasil keberangkatan lawatan berkenaan dan ianya dipercayai menjadi pendorong yang bermakna bagi perkembangan hubungan dan kerjasama antara kedua negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, tambah kenyataan itu bersama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berterima kasih kepada Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto serta pemerintah dan rakyat Republik Indonesia atas sambutan yang diberikan yang mencerminkan kekukuhan persaudaraan antara kedua negara.

# Keberangkatan pulang

**Dari muka 1**

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah, serta lain-lain kerabat Diraja.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini untuk mengalu-alukan keberangkatan tiba Baginda berdua dan rombongan Diraja ialah Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan para Diplomat asing. Bacaan Doa Selamat telah dibacakan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Rombongan Diraja disertai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Turut menyertai rombongan tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, dan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri Dato Paduka Awang Haji Ali.

# Menteri Kehakiman R.I. mengadap Kebawah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Kehakiman Republik Indonesia, Yang Berhormat Bapak Tuan Haji Ismail Salleh S.H. Istiadat tersebut telah diadakan di Istana Nurul Iman pada hari Isnin lalu.

Berangkat ke Istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.

Mengiringi Yang Berhormat ke Istiadat itu ialah Pemangku Duta Republik Indonesia, Bapak Andy Syamsu.

Yang Berhormat Menteri Kehakiman Republik Indonesia itu berada di negara ini selama dua hari untuk mengadakan lawatan rasmi. Beliau berlepas pulang pagi semalam.

# Ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 21 orang penyelenggara Stor Tingkat Khas dan Penyelenggara Stor Tingkat I kini sedang mengikuti kursus Penyelenggara Stor di Pusat Latihan Jabatan Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang.

Kursus selama 13 hari itu di anjurkan oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan dan akan berakhir pada 10 November.

Penceramah-penceramah dalam kursus tersebut adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN) dan pegawai-pegawai tempatan dari beberapa jabatan.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.